


KERAJAAN MALAYSIA

PEKELILING PERKHIDMATAN BILANGAN 11 TAHUN 2013

**PENJUMUDAN SKIM PERKHIDMATAN JURUTEKNIK
DAN PINDAAN SKIM PERKHIDMATAN PELUKIS PELAN,
PENOLONG JURUTERA, PENOLONG PEGAWAI SENI BINA
DAN PENOLONG JURUUKUR BAHAN**

**JABATAN PERKHIDMATAN AWAM
MALAYSIA**



KERAJAAN MALAYSIA

PEKELILING PERKHIDMATAN BILANGAN 11 TAHUN 2013

**PENJUMUDAN SKIM PERKHIDMATAN JURUTEKNIK
DAN PINDAAN SKIM PERKHIDMATAN PELUKIS PELAN,
PENOLONG JURUTERA, PENOLONG PEGAWAI SENI BINA
DAN PENOLONG JURUUKUR BAHAN**

TUJUAN

1. Pekeliling perkhidmatan ini bertujuan untuk memaklum dan melaksanakan keputusan kerajaan mengenai penjumudan skim perkhidmatan Juruteknik dan pindaan skim perkhidmatan Pelukis Pelan, Penolong Jurutera, Penolong Pegawai Seni Bina dan Penolong Juruukur Bahan yang sedang berkuat kuasa.

LATAR BELAKANG

2. Kerajaan bersetuju supaya skim perkhidmatan Juruteknik dijumudkan berikutan perubahan skop fungsi tugas dan pengiktirafan sijil politeknik setaraf dengan Sijil Tinggi Persekolahan Malaysia. Sehubungan itu, struktur hierarki dalam perkhidmatan kejuruteraan dikurangkan dan skop tugas skim perkhidmatan Juruteknik dalam bidang kejuruteraan, seni bina dan ukur bahan diambil alih oleh skim perkhidmatan Penolong Jurutera, Penolong Pegawai Seni Bina dan Penolong Juruukur Bahan.

3. Skim perkhidmatan Pelukis Pelan pula terbahagi kepada dua (2) bidang pengkhususan iaitu kejuruteraan awam dan seni bina. Bagi memastikan laluan kemajuan kerjaya yang lebih baik bagi pegawai dalam skim perkhidmatan Pelukis Pelan, maka kerajaan bersetuju supaya ianya disepadukan dengan skim perkhidmatan Penolong Jurutera dan Penolong Pegawai Seni Bina.

PINDAAN

4. Skim perkhidmatan Pelukis Pelan, Penolong Jurutera dan Penolong Pegawai Seni Bina yang berkuat kuasa dipinda kepada skim perkhidmatan yang baharu seperti berikut:

| Sedia Ada | Baharu |
|--|--|
| (i) Penolong Jurutera Gred J29, J36, J38 | (i) Pelukis Pelan (Kejuruteraan Awam)/ Penolong Jurutera Gred JA17, JA22, JA26, JA29/30, JA36, JA38 |
| (ii) Pelukis Pelan bidang kejuruteraan awam/seni bina Gred J17, J22, J26 | (ii) Pelukis Pelan (Seni Bina)/ Penolong Pegawai Seni Bina Gred JA17, JA22, JA26, JA29/30, JA36, JA38 |
| (iii) Penolong Pegawai Seni Bina Gred J29, J36, J38 | |

Skim Perkhidmatan Pelukis Pelan Bidang Kejuruteraan Awam dan Penolong Jurutera

5. Pindaan skim perkhidmatan Pelukis Pelan bidang kejuruteraan awam dan Penolong Jurutera adalah seperti berikut:

- (a) skim perkhidmatan Pelukis Pelan Gred J17, J22, J26 bidang kejuruteraan awam dan Penolong Jurutera Gred J29, J36, J38 dijadikan skim perkhidmatan bersepadu dan diubah kod gaji jawatan iaitu Pelukis Pelan (Kejuruteraan Awam)/Penolong Jurutera Gred JA17, JA22, JA26, JA29/30, JA36, JA38;

- (b) kelayakan masuk bagi Penolong Jurutera Gred JA29 diubah kepada sijil politeknik atau diploma dalam bidang kejuruteraan dengan gaji permulaan yang berbeza;
- (c) kelayakan masuk bagi Pelukis Pelan (Kejuruteraan Awam) Gred JA17 diubah kepada:
 - (i) Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) dengan kepujian Pendidikan Seni Visual atau Lukisan Geometri atau Lukisan Kejuruteraan; atau
 - (ii) SPM dan Sijil Kemahiran Malaysia (SKM) Tahap 2 dalam bidang Pelukis Pelan (Kejuruteraan Awam dan Struktur); atau
 - (iii) SPM dan SKM Tahap 3 dalam bidang Pelukis Pelan (Kejuruteraan Awam dan Struktur);
- (d) perbekalan kenaikan pangkat bagi pegawai di Gred JA17 atau Gred JA22 ke Gred JA30 adalah tertakluk kepada memiliki kelayakan sijil politeknik dalam bidang kejuruteraan atau diploma dalam bidang kejuruteraan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan dan syarat-syarat kenaikan pangkat lain seperti yang ditetapkan dalam skim perkhidmatan; dan
- (e) perbekalan kenaikan pangkat bagi pegawai di Gred JA26 ke Gred JA30 adalah tertakluk kepada syarat-syarat kenaikan pangkat yang ditetapkan dalam skim perkhidmatan.

Skim Perkhidmatan Pelukis Pelan Bidang Seni Bina dan Penolong Pegawai Seni Bina

6. Pindaan skim perkhidmatan Pelukis Pelan bidang seni bina dan Penolong Pegawai Seni Bina adalah seperti berikut:

- (a) skim perkhidmatan Pelukis Pelan Gred J17, J22, J26 bidang seni bina dan Penolong Pegawai Seni Bina Gred J29, J36, J38 dijadikan skim perkhidmatan bersepadu dan diubah kod gaji jawatan iaitu Pelukis Pelan (Seni Bina)/Penolong Pegawai Seni Bina Gred JA17, JA22, JA26, JA29/30, JA36, JA38;
- (b) kelayakan masuk bagi Penolong Pegawai Seni Bina Gred JA29 diubah kepada sijil politeknik atau diploma dalam bidang seni bina dengan gaji permulaan yang berbeza;
- (c) kelayakan masuk bagi Pelukis Pelan (Seni Bina) Gred JA17 diubah kepada:
 - (i) SPM dengan kepujian Pendidikan Seni Visual atau Lukisan Geometri atau Lukisan Kejuruteraan; atau
 - (ii) SPM dan SKM Tahap 2 dalam bidang Pelukis Pelan (Seni Bina); atau
 - (iii) SPM dan SKM Tahap 3 dalam bidang Pelukis Pelan (Seni Bina);
- (d) perbekalan kenaikan pangkat bagi pegawai di Gred JA17 atau Gred JA22 ke Gred JA30 adalah tertakluk kepada memiliki kelayakan sijil politeknik dalam bidang seni bina atau diploma dalam bidang seni bina atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan dan syarat-syarat kenaikan pangkat lain seperti yang ditetapkan dalam skim perkhidmatan; dan

- (e) perbekalan kenaikan pangkat bagi pegawai di Gred JA26 ke Gred JA30 adalah tertakluk kepada syarat-syarat kenaikan pangkat yang ditetapkan dalam skim perkhidmatan.

Skim Perkhidmatan Penolong Juruukur Bahan

7. Pindaan skim perkhidmatan Penolong Juruukur Bahan adalah seperti berikut:
 - (a) perubahan kod gaji jawatan iaitu skim perkhidmatan Penolong Juruukur Bahan Gred JA29, JA36, JA38; dan
 - (b) kelayakan masuk bagi Penolong Juruukur Bahan Gred JA29 diubah kepada sijil politeknik atau diploma dalam bidang ukur bahan dengan gaji permulaan yang berbeza.

8. Skim perkhidmatan Pelukis Pelan (Kejuruteraan Awam)/Penolong Jurutera, Pelukis Pelan (Seni Bina)/Penolong Pegawai Seni Bina dan Penolong Juruukur Bahan yang baharu adalah seperti di **Lampiran A, A1 dan A2**. Format iklan jawatan adalah seperti di **Lampiran B**. Jadual Gaji Minimum - Maksimum (JGMM) bagi skim perkhidmatan ini adalah seperti di **Lampiran C**. Penghuraian kerja umum bagi setiap skim perkhidmatan adalah seperti di **Lampiran D, D1 dan D2**.

PELAKSANAAN

Prinsip Umum Pertukaran Pelantikan

9. Pegawai hendaklah ditukar lantik ke jawatan baharu di skim perkhidmatan yang sama atau berlainan pada gred yang setara dengan jawatan asal. Pegawai yang ditukar lantik ke skim perkhidmatan dalam kelompok kelayakan lebih tinggi pula, gred jawatan yang akan ditawarkan adalah pada gred lantikan. Sekiranya tiada gred setara, maka jawatan secara Khas Untuk Penyandang (KUP) boleh diwujudkan.

Skim Perkhidmatan Penolong Jurutera, Penolong Pegawai Seni Bina dan Penolong Juruukur Bahan

10. Semua pegawai dalam skim perkhidmatan Penolong Jurutera, Penolong Pegawai Seni Bina dan Penolong Juruukur Bahan yang dilantik secara tetap adalah tertakluk kepada skim perkhidmatan Pelukis Pelan (Kejuruteraan Awam)/Penolong Jurutera, Pelukis Pelan (Seni Bina)/Penolong Pegawai Seni Bina dan Penolong Juruukur Bahan yang baharu mulai tarikh kuat kuasa pekeliling perkhidmatan ini. Gred jawatan pegawai dalam skim perkhidmatan sedia ada akan ditetapkan mengikut gred ke gred seperti berikut:

- (a) pegawai yang berada di Gred J29 ditetapkan ke Gred JA29;
- (b) pegawai yang berada di Gred J36 ditetapkan ke Gred JA36; dan
- (c) pegawai yang berada di Gred J38 ditetapkan ke Gred JA38.

Skim Perkhidmatan Juruteknik

11. Skim perkhidmatan Juruteknik dibahagikan kepada tiga bidang pengkhususan iaitu kejuruteraan, seni bina dan ukur bahan. Juruteknik Gred J17, J22, J26 yang dilantik secara tetap akan ditawarkan opsyen pertukaran pelantikan berdasarkan bidang pengkhususan ke skim perkhidmatan Penolong Jurutera, Penolong Pegawai Seni Bina atau Penolong Juruukur Bahan di Gred JA29.

Skim Perkhidmatan Pelukis Pelan

12. Pelukis Pelan Gred J17, J22, J26 bidang kejuruteraan awam atau seni bina yang telah dilantik secara tetap akan ditawarkan opsyen pertukaran pelantikan ke skim perkhidmatan yang baharu iaitu Pelukis Pelan (Kejuruteraan Awam)/Penolong Jurutera atau Pelukis Pelan (Seni Bina)/Penolong Pegawai Seni Bina berdasarkan bidang pengkhususan dan kelayakan akademik yang dimiliki oleh pegawai pada 1 Julai 2013 seperti berikut:

Pegawai Yang Memiliki Kelayakan

- (a) Pelukis Pelan Gred J17, J22, J26 dalam **bidang kejuruteraan awam** yang memiliki kelayakan sijil politeknik bidang kejuruteraan atau diploma bidang kejuruteraan akan ditukar lantik ke Penolong Jurutera di Gred JA29; atau
- (b) Pelukis Pelan Gred J17, J22, J26 dalam **bidang seni bina** yang memiliki kelayakan sijil politeknik bidang seni bina atau diploma bidang seni bina akan ditukar lantik ke Penolong Pegawai Seni Bina di Gred JA29.

Pegawai Yang Tidak Memiliki Kelayakan

- (c) Pelukis Pelan Gred J17, J22, J26 dalam **bidang kejuruteraan awam** yang tidak memiliki kelayakan sijil politeknik bidang kejuruteraan atau diploma bidang kejuruteraan akan ditukar lantik ke skim perkhidmatan Pelukis Pelan (Kejuruteraan Awam)/Penolong Jurutera yang baharu mengikut gred ke gred seperti berikut;
 - (i) Pelukis Pelan Gred J17 akan ditukar lantik ke Pelukis Pelan (Kejuruteraan Awam) Gred JA17;
 - (ii) Pelukis Pelan Gred J22 akan ditukar lantik ke Pelukis Pelan (Kejuruteraan Awam) Gred JA22; dan
 - (iii) Pelukis Pelan Gred J26 akan ditukar lantik ke Pelukis Pelan (Kejuruteraan Awam) Gred JA26.
- (d) Pelukis Pelan Gred J17, J22, J26 dalam **bidang seni bina** yang tidak memiliki kelayakan sijil politeknik bidang seni bina atau diploma bidang seni bina akan ditukar lantik ke skim perkhidmatan Pelukis

Pelan (Seni Bina)/Penolong Pegawai Seni Bina yang baharu mengikut gred ke gred seperti berikut;

- (i) Pelukis Pelan Gred J17 akan ditukar lantik ke Pelukis Pelan (Seni Bina) Gred JA17;
- (ii) Pelukis Pelan Gred J22 akan ditukar lantik ke Pelukis Pelan (Seni Bina) Gred JA22; dan
- (iii) Pelukis Pelan Gred J26 akan ditukar lantik ke Pelukis Pelan (Seni Bina) Gred JA26.

13. Juruteknik dan Pelukis Pelan yang memiliki kelayakan dan bersetuju ditukar lantik hendaklah ditempatkan di jawatan Penolong Jurutera, Penolong Pegawai Seni Bina atau Penolong Juruukur Bahan Gred JA29 sedia ada yang kosong. Sekiranya kekosongan sedia ada tidak dapat menampung bilangan pegawai yang ditukar lantik, Ketua Jabatan hendaklah menghubungi jabatan ini [Bahagian Pembangunan Organisasi (BPO)] untuk mewujudkan jawatan Penolong Jurutera, Penolong Pegawai Seni Bina atau Penolong Juruukur Bahan Gred JA29 secara KUP sehingga pegawai dapat mengisi jawatan Penolong Jurutera, Penolong Pegawai Seni Bina atau Penolong Juruukur Bahan Gred JA29 secara hakiki atau dinaikkan pangkat atau meninggalkan perkhidmatan. Jawatan KUP ini hendaklah dimansuhkan apabila penyandang mengosongkan jawatan KUP tersebut atas sebab kenaikan pangkat atau meninggalkan perkhidmatan. Sekiranya ada keperluan untuk menggantikan jawatan yang dimansuhkan tersebut, agensi hendaklah mengemukakan permohonan dengan justifikasi yang lengkap kepada jabatan ini (BPO) untuk pertimbangan.

14. Jabatan ini akan melaksanakan perubahan jawatan dalam Senarai Perjawatan sedia ada. Agensi diminta menghubungi jabatan ini (BPO) sekiranya urusan tukar lantik ini mengakibatkan perubahan struktur organisasi atau masalah penyeliaan kerja.

15. Mulai tarikh kuat kuasa skim perkhidmatan ini, semua lantikan hendaklah menggunakan skim perkhidmatan yang baharu dan syarat lantikan yang ditetapkan hendaklah dipatuhi.

PEMBERIAN OPSYEN

16. Ketua Jabatan hendaklah menawarkan opsyen kepada pegawai yang sedang berkhidmat dalam skim perkhidmatan Juruteknik dan Pelukis Pelan bagi membolehkan pegawai membuat pilihan.

17. Pegawai yang bersetuju menerima opsyen akan ditukar lantik ke skim perkhidmatan yang baharu.

18. Pegawai yang menolak opsyen atau tidak membuat sebarang opsyen atau gagal mengembalikan borang opsyen dalam tempoh yang ditetapkan tanpa sebab yang munasabah atau membuat opsyen dengan bersyarat dianggap sebagai tidak bersetuju untuk ditukar lantik ke skim perkhidmatan baharu ini. Dengan ini:

- (a) pegawai akan kekal dalam skim perkhidmatan dan gred jawatan asal secara KUP;
- (b) pegawai akan berada dalam skim perkhidmatan asal yang telah dijumudkan dan tertakluk kepada syarat-syarat skim perkhidmatan asal; dan
- (c) pegawai juga tidak layak menikmati keistimewaan dan penambahbaikan yang diperuntukkan dalam skim perkhidmatan Pelukis Pelan (Kejuruteraan Awam)/Penolong Jurutera, Pelukis Pelan (Seni Bina)/Penolong Pegawai Seni Bina dan Penolong Juruukur Bahan yang baharu dan sebarang pindaan kepadanya.

19. Semua pegawai yang terlibat akan diberi tempoh **30 hari** mulai tarikh surat tawaran diedarkan untuk membuat pilihan sama ada menerima atau menolak tawaran opsyen ini. Pilihan yang dibuat adalah **muktamad**.

20. Tawaran opsyen ini hanya diberi kepada pegawai yang bertaraf **tetap** dan masih dalam perkhidmatan pada **1 Julai 2013**, termasuk mereka yang masih dalam tempoh percubaan serta berada dalam Sistem Saraan Malaysia.

21. Tawaran opsyen ini juga hendaklah diberi kepada mereka yang berada dalam keadaan berikut:

- (a) dipinjamkan atau ditukar sementara;
- (b) sedang bercuti;
- (c) tidak hadir bertugas semasa opsyen dikeluarkan dan berkuat kuasa;
- (d) sedang dalam proses tindakan tatatertib; dan
- (e) sedang menjalani hukuman tatatertib.

22. Pegawai yang sedang dalam proses tindakan tatatertib, jika sabit kesalahannya dan dijatuhi hukuman buang kerja dalam tempoh opsyen, maka tawaran opsyen tersebut dengan sendirinya terbatal.

23. Sekiranya surat tawaran opsyen tidak dapat disampaikan, termasuk kepada pegawai yang berada dalam keadaan seperti di perenggan 21, Ketua Jabatan boleh menawarkan surat tawaran opsyen dengan memberi tempoh yang sama (**30 hari**) untuk membolehkan mereka membuat pilihan, walaupun tempoh opsyen asal telah tamat.

24. Bagi urusan pemberian opsyen pertukaran pelantikan bagi pegawai dalam skim perkhidmatan Juruteknik dan Pelukis Pelan sedia ada yang **memiliki kelayakan**, dokumen yang berkaitan seperti berikut:

- (a) Juruteknik Gred J17, J22, J26 bidang kejuruteraan
 - (i) Contoh Surat Tawaran Pertukaran Pelantikan, Syarat-syarat Pertukaran Pelantikan dan Borang Opsyen Pertukaran Pelantikan bagi Juruteknik Gred J17 bidang kejuruteraan adalah seperti **Lampiran E, E1 dan E2**; dan

- (ii) Contoh Surat Tawaran Pertukaran Pelantikan, Syarat-syarat Pertukaran Pelantikan dan Borang Opsyen Pertukaran Pelantikan bagi Juruteknik Gred J22, J26 bidang kejuruteraan adalah seperti **Lampiran F, F1 dan F2**.

- (b) Juruteknik Gred J17, J22, J26 bidang seni bina
 - (i) Contoh Surat Tawaran Pertukaran Pelantikan, Syarat-syarat Pertukaran Pelantikan dan Borang Opsyen Pertukaran Pelantikan bagi Juruteknik Gred J17 bidang seni bina adalah seperti **Lampiran G, G1 dan G2**; dan
 - (ii) Contoh Surat Tawaran Pertukaran Pelantikan, Syarat-syarat Pertukaran Pelantikan dan Borang Opsyen Pertukaran Pelantikan bagi Juruteknik Gred J22, J26 bidang seni bina adalah seperti **Lampiran H, H1 dan H2**.

- (c) Juruteknik Gred J17, J22, J26 bidang ukur bahan
 - (i) Contoh Surat Tawaran Pertukaran Pelantikan, Syarat-syarat Pertukaran Pelantikan dan Borang Opsyen Pertukaran Pelantikan bagi Juruteknik Gred J17 bidang ukur bahan adalah seperti **Lampiran J, J1 dan J2**; dan
 - (ii) Contoh Surat Tawaran Pertukaran Pelantikan, Syarat-syarat Pertukaran Pelantikan dan Borang Opsyen Pertukaran Pelantikan bagi Juruteknik Gred J22, J26 bidang ukur bahan adalah seperti **Lampiran K, K1 dan K2**.

- (d) Pelukis Pelan Gred J17, J22, J26 bidang kejuruteraan awam yang mempunyai kelayakan sijil politeknik bidang kejuruteraan atau diploma bidang kejuruteraan:
- (i) Contoh Surat Tawaran Pertukaran Pelantikan, Syarat-syarat Pertukaran Pelantikan dan Borang Opsyen Pertukaran Pelantikan bagi Pelukis Pelan Gred J17 bidang kejuruteraan awam adalah seperti **Lampiran L, L1 dan L2**; dan
 - (ii) Contoh Surat Tawaran Pertukaran Pelantikan, Syarat-syarat Pertukaran Pelantikan dan Borang Opsyen Pertukaran Pelantikan bagi Pelukis Pelan Gred J22, J26 bidang kejuruteraan awam adalah seperti **Lampiran M, M1 dan M2**.
- (e) Pelukis Pelan Gred J17, J22, J26 bidang seni bina yang mempunyai kelayakan sijil politeknik bidang seni bina atau diploma bidang seni bina:
- (i) Contoh Surat Tawaran Pertukaran Pelantikan, Syarat-syarat Pertukaran Pelantikan dan Borang Opsyen Pertukaran Pelantikan bagi Pelukis Pelan Gred J17 bidang seni bina adalah seperti **Lampiran N, N1 dan N2**; dan
 - (ii) Contoh Surat Tawaran Pertukaran Pelantikan, Syarat-syarat Pertukaran Pelantikan dan Borang Opsyen Pertukaran Pelantikan bagi Pelukis Pelan Gred J22, J26 bidang seni bina adalah seperti **Lampiran P, P1 dan P2**.

25. Bagi urusan pemberian opsyen pertukaran pelantikan untuk pegawai skim perkhidmatan Pelukis Pelan sedia ada yang **tidak memiliki kelayakan** sijil politeknik atau diploma dalam bidang kejuruteraan atau seni bina, dokumen yang berkaitan seperti berikut:

- (a) Pelukis Pelan Gred J17, J22, J26 bidang kejuruteraan awam

Contoh Surat Tawaran Pertukaran Pelantikan, Syarat-syarat Pertukaran Pelantikan dan Borang Opsyen Pertukaran Pelantikan bagi Pelukis Pelan Gred J17, J22, J26 bidang kejuruteraan awam adalah seperti **Lampiran Q, Q1 dan Q2**; dan

- (b) Pelukis Pelan Gred J17, J22, J26 bidang seni bina

Contoh Surat Tawaran Pertukaran Pelantikan, Syarat-syarat Pertukaran Pelantikan dan Borang Opsyen Pertukaran Pelantikan bagi Pelukis Pelan Gred J17, J22, J26 bidang seni bina adalah seperti **Lampiran R, R1 dan R2**.

26. Tawaran opsyen ini tidak melibatkan pegawai lantikan **sementara** atau **kontrak** dan perkhidmatan pegawai tersebut perlu ditamatkan. Urusan pelantikan semula pegawai berkenaan akan diuruskan oleh Ketua Jabatan, tertakluk memenuhi syarat skim perkhidmatan yang baharu.

Kenaikan Pangkat Secara *Time-Based* Berasaskan Kecemerlangan Dalam Skim Perkhidmatan Asal Bagi Juruteknik Gred J17 Dan Pelukis Pelan Gred J17 Yang Ditukar Lantik Ke Gred Jawatan Lebih Tinggi

27. Juruteknik Gred J17 dan Pelukis Pelan Gred J17 yang ditawarkan opsyen pertukaran pelantikan sebagai Penolong Jurutera, Penolong Pegawai Seni Bina atau Penolong Juruukur Bahan di **Gred JA29**, mana yang berkenaan layak untuk membuat pilihan sama ada:

- (a) terus ditukar lantik ke skim perkhidmatan yang ditawarkan; atau
- (b) ditukar lantik setelah pegawai dinaikkan pangkat secara *time-based* berasaskan kecemerlangan dalam skim perkhidmatan asal.

28. Juruteknik Gred J17 dan Pelukis Pelan Gred J17 yang memilih untuk terus ditukar lantik ke skim perkhidmatan Penolong Jurutera, Penolong Pegawai Seni Bina atau Penolong Juruukur Bahan di **Gred JA29**, mana yang berkenaan tidak layak dipertimbangkan kenaikan pangkat secara *time-based* di skim perkhidmatan asal kerana telah ditukar lantik ke gred jawatan yang lebih tinggi.

29. Juruteknik Gred J17 dan Pelukis Pelan Gred J17 yang memilih untuk kekal dalam skim perkhidmatan asal sehingga dinaikkan pangkat secara *time-based* berasaskan kecemerlangan akan berada dalam skim perkhidmatan asal secara KUP. Pegawai akan dipertimbangkan kenaikan pangkat apabila menggenapkan tempoh 13 tahun di skim perkhidmatan asal. Seterusnya, pegawai akan ditukar lantik ke skim perkhidmatan yang ditawarkan berkuat kuasa sehari selepas pegawai dinaikkan pangkat secara *time-based* tersebut.

30. Sekiranya pegawai di perenggan 29 **tidak berjaya dinaikkan pangkat dalam tempoh *time-based* yang ditetapkan**, pegawai boleh memohon untuk ditukar lantik ke skim perkhidmatan yang ditawarkan. Tarikh kuat kuasa pertukaran pelantikan adalah pada tarikh semasa yang diluluskan oleh Ketua Jabatan.

KAEDAH PELAKSANAAN OPSYEN

31. Bagi melaksanakan opsyen ini, Pihak Berkuasa Melantik, Ketua Jabatan dan pegawai yang terlibat hendaklah mematuhi kaedah yang ditetapkan seperti berikut:

- (a) **Pihak Berkuasa Melantik**

Pihak Berkuasa Melantik akan mewakilkan kuasa kepada Ketua Jabatan untuk menawarkan opsyen pertukaran pelantikan kepada pegawai yang terlibat.

(b) **Ketua Jabatan**

- (i) mengenal pasti bidang pengkhususan dan menawarkan opsyen kepada pegawai terlibat;
- (ii) memberi penjelasan terperinci mengenai opsyen kepada pegawai yang terlibat dan implikasi keputusan yang dibuat;
- (iii) mengemas kini Kenyataan Perkhidmatan dan Kenyataan Cuti pegawai yang terlibat selaras dengan perubahan-perubahan berkaitan; dan
- (iv) melaksanakan pekeliling perkhidmatan dan melaporkan kepada jabatan ini (BPO) mengenai status pelaksanaan pekeliling perkhidmatan ini sebelum 1 Mei 2014 mengikut format seperti **Lampiran S**.

(c) **Pegawai Yang Ditawarkan Opsyen**

- (i) membaca dengan teliti dan faham mengenai opsyen sebelum membuat keputusan. Jika terdapat sebarang keraguan, pegawai hendaklah merujuk kepada Ketua Jabatan untuk mendapatkan penjelasan selanjutnya. Pemilihan opsyen adalah muktamad;
- (ii) melengkapkan dua (2) salinan borang opsyen iaitu satu (1) salinan untuk disimpan oleh Ketua Jabatan, manakala satu (1) salinan lagi untuk pegawai berkenaan; dan
- (iii) mengembalikan borang opsyen dalam tempoh 30 hari mulai tarikh surat tawaran dikeluarkan.

KAEDAH PENETAPAN GAJI PERMULAAN

32. Pegawai akan ditawarkan gaji permulaan di jawatan baharu seperti berikut:
- (a) pada gaji minimum di gred jawatan baharu sekiranya gaji akhir di gred jawatan asal adalah sama atau lebih rendah daripada gaji minimum di gred jawatan baharu; atau
 - (b) pada amaun gaji yang sama dengan amaun gaji akhir di gred jawatan asal jika gaji akhir di gred jawatan asal lebih tinggi daripada gaji minimum di gred jawatan baharu; atau
 - (c) pada gaji permulaan kelayakan diploma bagi pegawai yang memiliki kelayakan diploma jika amaun gaji di gred jawatan asal adalah lebih rendah daripada gaji permulaan kelayakan diploma.
33. Pegawai yang gaji akhirnya tidak dapat ditampung oleh amaun gaji dalam JGMM mengikut kaedah di atas, maka jadual gaji KUP hendaklah dipohon daripada jabatan ini (Bahagian Saraan) dengan mengemukakan salinan Kenyataan Perkhidmatan pegawai terlibat yang telah dikemas kini dan disahkan.
34. Contoh kaedah penetapan gaji permulaan bagi pertukaran pelantikan ini adalah seperti di **Lampiran T**.

PERGERAKAN GAJI TAHUNAN

35. Pergerakan Gaji Tahunan jawatan asal yang sepatutnya diterima oleh pegawai dalam tahun pertukaran pelantikan dikuatkuasakan hendaklah diberi pada tarikh kuat kuasa pertukaran pelantikan mengikut amaun Kenaikan Gaji Tahunan di jawatan asal.

TARIKH PERGERAKAN GAJI

36. Tarikh Pergerakan Gaji (TPG) bagi pegawai yang terlibat dalam urusan ini dikekalkan mengikut TPG jawatan asal.

ELAUN DAN KEMUDAHAN

37. Urusan pertukaran pelantikan ini tidak melibatkan sebarang perubahan elaun dan kemudahan yang diterima oleh Juruteknik dan Pelukis Pelan mengikut pekeliling perkhidmatan/surat pekeliling perkhidmatan/surat edaran yang berkuat kuasa. Walau bagaimanapun, penetapan kadar elaun dan kemudahan tersebut adalah tertakluk kepada penetapan gred jawatan pegawai ditukar lantik.

TARIKH KUAT KUASA

38. Pekeliling perkhidmatan ini berkuat kuasa mulai **1 Julai 2013**.

PEMBATALAN

39. Dengan berkuat kuasanya pekeliling perkhidmatan ini, maka skim perkhidmatan Juruteknik, Pelukis Pelan, Penolong Jurutera, Penolong Pegawai Seni Bina, Penolong Juruukur Bahan di bawah Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 11 Tahun 2009 adalah dibatalkan, kecuali untuk pegawai yang menolak opsyen.

PEMAKAIAN

40. Tertakluk kepada penerimaannya oleh pihak berkuasa masing-masing, peruntukan pekeliling perkhidmatan ini dipanjangkan kepada semua Perkhidmatan Negeri, Pihak Berkuasa Berkanun dan Pihak Berkuasa Tempatan.

" BERKHIDMAT UNTUK NEGARA "



(TAN SRI MOHAMAD ZABIDI ZAINAL)
Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam
Malaysia

**JABATAN PERKHIDMATAN AWAM
MALAYSIA
PUTRAJAYA**

29 Oktober 2013

Semua Setiausaha Suruhanjaya Perkhidmatan
Semua Ketua Setiausaha Kementerian
Semua Ketua Jabatan Persekutuan
Semua YB Setiausaha Kerajaan Negeri
Semua Pihak Berkuasa Berkanun
Semua Pihak Berkuasa Tempatan

LAMPIRAN A

SKIM PERKHIDMATAN PELUKIS PELAN (KEJURUTERAAN AWAM)/PENOLONG JURUTERA

KLASIFIKASI : **PERKHIDMATAN KEJURUTERAAN**
KUMPULAN PERKHIDMATAN : **PELAKSANA (SKIM PERKHIDMATAN BERSEPADU)**
GRED JAWATAN/GAJI : **JA17, JA22, JA26, JA29/30, JA36, JA38**
TARIKH KUAT KUASA : **1 JULAI 2013**

SYARAT LANTIKAN 1. Calon bagi lantikan hendaklah memiliki kelayakan seperti berikut:

- (a) warganegara Malaysia;
- (b) berumur tidak kurang dari 18 tahun pada tarikh tutup iklan jawatan;

KELAYAKAN LANTIKAN KE JAWATAN PELUKIS PELAN (KEJURUTERAAN AWAM) GRED JA17

- (c) (i) Sijil Pelajaran Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan dengan kepujian Pendidikan Seni Visual atau Lukisan Geometri atau Lukisan Kejuruteraan pada peringkat peperiksaan tersebut.

(Gaji permulaan ialah pada Gred JA17: RM952.66); atau

- (ii) Sijil Pelajaran Malaysia serta Sijil Kemahiran Malaysia Tahap 2 dalam bidang Pelukis Pelan (Kejuruteraan Awam dan Struktur) atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.

(Gaji permulaan ialah pada Gred JA17: RM1,010.77); atau

- (iii) Sijil Pelajaran Malaysia serta Sijil Kemahiran Malaysia Tahap 3 dalam bidang Pelukis Pelan (Kejuruteraan Awam dan Struktur) atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.

(Gaji permulaan ialah pada Gred JA17: RM1,068.89).

KELAYAKAN LANTIKAN KE JAWATAN PENOLONG JURUTERA GRED JA29

- (d) (i) sijil dalam bidang kejuruteraan yang diiktiraf oleh kerajaan daripada politeknik-politeknik tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.

(Gaji permulaan ialah pada Gred JA29: RM1,417.59); atau

- (ii) diploma dalam bidang kejuruteraan yang diiktiraf oleh kerajaan daripada institusi-institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.

(Gaji permulaan ialah pada Gred JA29: RM1,826.02).

**SYARAT KELAYAKAN
BAHASA MELAYU**

- 2. Calon bagi lantikan hendaklah memiliki kepujian dalam subjek Bahasa Melayu pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan.

**SYARAT PENINGKATAN
SECARA LANTIKAN**

- 3. Pegawai sedang berkhidmat dalam perkhidmatan Pemeriksa Kereta Motor adalah layak dipertimbangkan oleh Pihak Berkuasa Melantik berkenaan untuk peningkatan secara lantikan ke jawatan Penolong Jurutera Gred JA29, tertakluk kepada kekosongan jawatan, apabila telah disahkan dalam perkhidmatan dan:

- (a) (i) mempunyai kelayakan di perenggan 1(d) di atas; atau

- (ii) lulus Peperiksaan Khas; dan

- (b) had umur pelantikan:

- (i) berumur kurang dari 54 tahun pada tarikh lantikan bagi pegawai yang umur persaraan paksa 55 atau 56 tahun; atau

- (ii) berumur kurang dari 56 tahun pada tarikh lantikan bagi pegawai yang umur persaraan paksa 58 tahun; atau

- (iii) berumur kurang dari 58 tahun pada tarikh lantikan bagi pegawai yang umur persaraan paksa 60 tahun.

**PENETAPAN GAJI
PERMULAAN**

- 4. Gaji permulaan yang lebih tinggi daripada gaji minimum Gred JA17 dan Gred JA29 boleh ditetapkan oleh Pihak Berkuasa Melantik berkenaan berasaskan kepada pengalaman kerja atau kepakaran berkaitan.

TEMPOH PERCUBAAN

- 5. Pegawai yang dilantik adalah dikehendaki berkhidmat dalam tempoh percubaan selama 1 hingga 3 tahun.

LATIHAN

- 6. Pegawai boleh dikehendaki mengikuti latihan yang ditetapkan oleh Ketua Jabatan/Perkhidmatan yang berkenaan.

**PROGRAM
TRANSFORMASI MINDA/
PEPERIKSAAN**

- 7. Pegawai dalam percubaan adalah dikehendaki hadir dengan jayanya Program Transformasi Minda dan lulus peperiksaan perkhidmatan yang ditetapkan oleh Ketua Jabatan/Perkhidmatan yang berkenaan.

**PENGESAHAN DALAM
PERKHIDMATAN**

- 8. Pegawai yang dilantik adalah layak disahkan dalam perkhidmatan apabila telah:

- (a) memenuhi tempoh percubaan;

- (b) hadir dengan jayanya Program Transformasi Minda dan lulus peperiksaan perkhidmatan yang ditetapkan; dan
- (c) diperakukan oleh Ketua Jabatan/Perkhidmatan.
- PERGERAKAN GAJI TAHUNAN**
9. Pergerakan Gaji Tahunan adalah tidak automatik dan akan ditetapkan oleh Ketua Jabatan/Perkhidmatan berdasarkan prestasi perkhidmatan.
- KEPERLUAN KOMPETENSI DAN POTENSI**
10. Pegawai hendaklah memenuhi kompetensi dan potensi yang ditetapkan untuk kenaikan pangkat.
- KENAIKAN PANGKAT KE GRED JA22**
11. Pelukis Pelan (Kejuruteraan Awam) Gred JA17 adalah layak dipertimbangkan bagi kenaikan pangkat ke jawatan Pelukis Pelan (Kejuruteraan Awam) Gred JA22 yang kosong apabila telah:
- (a) disahkan dalam perkhidmatan;
- (b) mencapai tahap prestasi yang ditetapkan;
- (c) memenuhi kompetensi dan potensi yang ditetapkan; dan
- (d) diperakukan oleh Ketua Jabatan/Perkhidmatan.
- KENAIKAN PANGKAT KE GRED JA26**
12. Pelukis Pelan (Kejuruteraan Awam) Gred JA22 adalah layak dipertimbangkan bagi kenaikan pangkat ke jawatan Pelukis Pelan (Kejuruteraan Awam) Gred JA26 yang kosong apabila telah:
- (a) mencapai tahap prestasi yang ditetapkan;
- (b) memenuhi kompetensi dan potensi yang ditetapkan; dan
- (c) diperakukan oleh Ketua Jabatan/Perkhidmatan.
- KENAIKAN PANGKAT KE GRED JA30**
13. (a) Pelukis Pelan (Kejuruteraan Awam) Gred JA17 atau JA22 adalah layak dipertimbangkan bagi kenaikan pangkat ke jawatan Penolong Jurutera Gred JA30 yang kosong apabila telah:
- (i) disahkan dalam perkhidmatan;
- (ii) mempunyai kelayakan di perenggan 1(d)(i) atau 1(d)(ii);
- (iii) mencapai tahap prestasi yang ditetapkan;
- (iv) memenuhi kompetensi dan potensi yang ditetapkan; dan
- (v) diperakukan oleh Ketua Jabatan/Perkhidmatan.

(b) Pelukis Pelan (Kejuruteraan Awam) Gred JA26 adalah layak dipertimbangkan bagi kenaikan pangkat ke jawatan Penolong Pegawai Jurutera Gred JA30 yang kosong apabila telah:

- (i) mencapai tahap prestasi yang ditetapkan;
- (ii) memenuhi kompetensi dan potensi yang ditetapkan; dan
- (iii) diperakukan oleh Ketua Jabatan/Perkhidmatan.

**KENAIKAN PANGKAT
KE GRED JA36**

14. Penolong Jurutera Gred JA29/30 adalah layak dipertimbangkan bagi kenaikan pangkat ke jawatan Penolong Jurutera Gred JA36 yang kosong apabila telah:

- (a) disahkan dalam perkhidmatan;
- (b) mencapai tahap prestasi yang ditetapkan;
- (c) memenuhi kompetensi dan potensi yang ditetapkan; dan
- (d) diperakukan oleh Ketua Jabatan/Perkhidmatan.

**KENAIKAN PANGKAT
KE GRED JA38**

15. Penolong Jurutera Gred JA36 adalah layak dipertimbangkan bagi kenaikan pangkat ke jawatan Penolong Jurutera Gred JA38 yang kosong apabila telah:

- (a) mencapai tahap prestasi yang ditetapkan;
- (b) memenuhi kompetensi dan potensi yang ditetapkan; dan
- (c) diperakukan oleh Ketua Jabatan/Perkhidmatan.

**PENINGKATAN
SECARA LANTIKAN
KE JAWATAN
JURUTERA GRED J41**

16. Penolong Jurutera yang menunjukkan prestasi yang cemerlang adalah layak dipertimbangkan oleh Pihak Berkuasa Melantik berkenaan untuk peningkatan secara lantikan ke jawatan Jurutera Gred J41 yang kosong mengikut syarat-syarat yang ditetapkan dalam skim-skim perkhidmatan berkenaan.

Nota: Skim perkhidmatan ini membatalkan skim perkhidmatan Pelukis Pelan dan Penolong Jurutera yang berkuat kuasa pada 2.7.2009 (Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 11 Tahun 2009).

LAMPIRAN A1

SKIM PERKHIDMATAN PELUKIS PELAN (SENI BINA)/PENOLONG PEGAWAI SENI BINA

KLASIFIKASI : **PERKHIDMATAN KEJURUTERAAN**
KUMPULAN PERKHIDMATAN : **PELAKSANA (SKIM PERKHIDMATAN BERSEPADU)**
GRED JAWATAN/GAJI : **JA17, JA22, JA26, JA29/30, JA36, JA38**
TARIKH KUAT KUASA : **1 JULAI 2013**

SYARAT LANTIKAN

1. Calon bagi lantikan hendaklah memiliki kelayakan seperti berikut:
 - (a) warganegara Malaysia;
 - (b) berumur tidak kurang dari 18 tahun pada tarikh tutup iklan jawatan;

KELAYAKAN LANTIKAN KE JAWATAN PELUKIS PELAN (SENI BINA) GRED JA17

(c) (i) Sijil Pelajaran Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan dengan kepujian Pendidikan Seni Visual atau Lukisan Geometri atau Lukisan Kejuruteraan pada peringkat peperiksaan tersebut.

(Gaji permulaan ialah pada Gred JA17: RM952.66); atau

(ii) Sijil Pelajaran Malaysia serta Sijil Kemahiran Malaysia Tahap 2 dalam bidang Pelukis Pelan (Seni Bina) atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.

(Gaji permulaan ialah pada Gred JA17: RM1,010.77); atau

(iii) Sijil Pelajaran Malaysia serta Sijil Kemahiran Malaysia Tahap 3 dalam bidang Pelukis Pelan (Seni Bina) atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.

(Gaji permulaan ialah pada Gred JA17: RM1,068.89).

KELAYAKAN LANTIKAN KE JAWATAN PENOLONG PEGAWAI SENI BINA GRED JA29

(d) (i) sijil dalam bidang seni bina yang diiktiraf oleh kerajaan daripada politeknik-politeknik tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.

(Gaji permulaan ialah pada Gred JA29: RM1,417.59); atau

- (ii) diploma dalam bidang seni bina yang diiktiraf oleh kerajaan daripada institusi-institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.

(Gaji permulaan ialah pada Gred JA29: RM1,826.02).

**SYARAT KELAYAKAN
BAHASA MELAYU**

- 2. Calon bagi lantikan hendaklah memiliki kepujian dalam subjek Bahasa Melayu pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan.

**PENETAPAN GAJI
PERMULAAN**

- 3. Gaji permulaan yang lebih tinggi daripada gaji minimum Gred JA17 dan Gred JA29 boleh ditetapkan oleh Pihak Berkuasa Melantik berkenaan berasaskan kepada pengalaman kerja atau kepakaran berkaitan.

TEMPOH PERCUBAAN

- 4. Pegawai yang dilantik adalah dikehendaki berkhidmat dalam tempoh percubaan selama 1 hingga 3 tahun.

LATIHAN

- 5. Pegawai boleh dikehendaki mengikuti latihan yang ditetapkan oleh Ketua Jabatan/Perkhidmatan yang berkenaan.

**PROGRAM
TRANSFORMASI MINDA/
PEPERIKSAAN**

- 6. Pegawai dalam percubaan adalah dikehendaki hadir dengan jayanya Program Transformasi Minda dan lulus peperiksaan perkhidmatan yang ditetapkan oleh Ketua Jabatan/Perkhidmatan yang berkenaan.

**PENGESAHAN DALAM
PERKHIDMATAN**

- 7. Pegawai yang dilantik adalah layak disahkan dalam perkhidmatan apabila telah:
 - (a) memenuhi tempoh percubaan;
 - (b) hadir dengan jayanya Program Transformasi Minda dan lulus peperiksaan perkhidmatan yang ditetapkan; dan
 - (c) diperakukan oleh Ketua Jabatan/Perkhidmatan.

**PERGERAKAN GAJI
TAHUNAN**

- 8. Pergerakan gaji tahunan adalah tidak automatik dan akan ditetapkan oleh Ketua Jabatan/Perkhidmatan berdasarkan prestasi perkhidmatan.

**KEPERLUAN KOMPETENSI
DAN POTENSI**

- 9. Pegawai hendaklah memenuhi kompetensi dan potensi yang ditetapkan untuk kenaikan pangkat.

**KENAIKAN PANGKAT
KE GRED JA22**

- 10. Pelukis Pelan (Seni Bina) Gred JA17 adalah layak dipertimbangkan bagi kenaikan pangkat ke jawatan Pelukis Pelan (Seni Bina) Gred JA22 yang kosong apabila telah:
 - (a) disahkan dalam perkhidmatan;
 - (b) mencapai tahap prestasi yang ditetapkan;
 - (c) memenuhi kompetensi dan potensi yang ditetapkan; dan

(d) diperakukan oleh Ketua Jabatan/Perkhidmatan.

**KENAIKAN PANGKAT
KE GRED JA26**

11. Pelukis Pelan (Seni Bina) Gred JA22 adalah layak dipertimbangkan bagi kenaikan pangkat ke jawatan Pelukis Pelan (Seni Bina) Gred JA26 yang kosong apabila telah:

- (a) mencapai tahap prestasi yang ditetapkan;
- (b) memenuhi kompetensi dan potensi yang ditetapkan; dan
- (c) diperakukan oleh Ketua Jabatan/Perkhidmatan.

**KENAIKAN PANGKAT
KE GRED JA30**

12. (a) Pelukis Pelan (Seni Bina) Gred JA17 atau JA22 adalah layak dipertimbangkan bagi kenaikan pangkat ke jawatan Penolong Pegawai Seni Bina Gred JA30 yang kosong apabila telah:

- (i) disahkan dalam perkhidmatan;
- (ii) mempunyai kelayakan di perenggan 1(d)(i) atau 1(d)(ii);
- (iii) mencapai tahap prestasi yang ditetapkan;
- (iv) memenuhi kompetensi dan potensi yang ditetapkan; dan
- (v) diperakukan oleh Ketua Jabatan/Perkhidmatan.

(b) Pelukis Pelan (Seni Bina) Gred JA26 adalah layak dipertimbangkan bagi kenaikan pangkat ke jawatan Penolong Pegawai Seni Bina Gred JA30 yang kosong apabila telah:

- (i) mencapai tahap prestasi yang ditetapkan;
- (ii) memenuhi kompetensi dan potensi yang ditetapkan; dan
- (iii) diperakukan oleh Ketua Jabatan/Perkhidmatan.

**KENAIKAN PANGKAT
KE GRED JA36**

13. Penolong Pegawai Seni Bina Gred JA29/30 adalah layak dipertimbangkan bagi kenaikan pangkat ke jawatan Penolong Pegawai Seni Bina Gred JA36 yang kosong apabila telah:

- (a) disahkan dalam perkhidmatan;
- (b) mencapai tahap prestasi yang ditetapkan;
- (c) memenuhi kompetensi dan potensi yang ditetapkan; dan
- (d) diperakukan oleh Ketua Jabatan/Perkhidmatan.

**KENAIKAN PANGKAT
KE GRED JA38**

14. Penolong Pegawai Seni Bina Gred JA36 adalah layak dipertimbangkan bagi kenaikan pangkat ke jawatan Penolong Pegawai Seni Bina Gred JA38 yang kosong apabila telah:
- (a) mencapai tahap prestasi yang ditetapkan;
 - (b) memenuhi kompetensi dan potensi yang ditetapkan; dan
 - (c) diperakukan oleh Ketua Jabatan/Perkhidmatan.

**PENINGKATAN
SECARA LANTIKAN
KE JAWATAN
ARKITEK GRED J41**

15. Penolong Pegawai Seni Bina yang menunjukkan prestasi yang cemerlang adalah layak dipertimbangkan oleh Pihak Berkuasa Melantik berkenaan untuk peningkatan secara lantikan ke jawatan Arkitek Gred J41 yang kosong mengikut syarat-syarat yang ditetapkan dalam skim-skim perkhidmatan berkenaan.

Nota: Skim perkhidmatan ini membatalkan skim perkhidmatan Pelukis Pelan dan Penolong Pegawai Seni Bina yang berkuat kuasa pada 2.7.2009 (Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 11 Tahun 2009).

**SKIM PERKHIDMATAN
PENOLONG JURUUKUR BAHAN**

- KLASIFIKASI** : **PERKHIDMATAN KEJURUTERAAN**
- KUMPULAN PERKHIDMATAN** : **PELAKSANA**
- GRED JAWATAN/GAJI** : **JA29, JA36, JA38**
- TARIKH KUAT KUASA** : **1 JULAI 2013**
- SYARAT LANTIKAN**
1. Calon bagi lantikan hendaklah memiliki kelayakan seperti berikut:
 - (a) warganegara Malaysia;
 - (b) berumur tidak kurang dari 18 tahun pada tarikh tutup iklan jawatan;
 - (c) (i) sijil dalam bidang ukur bahan yang diiktiraf oleh kerajaan daripada politeknik-politeknik tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.

(Gaji permulaan ialah pada Gred JA29: RM1,417.59); atau

(ii) diploma dalam bidang ukur bahan yang diiktiraf oleh kerajaan daripada institusi-institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.

(Gaji permulaan ialah pada Gred JA29: RM1,826.02).
- SYARAT KELAYAKAN BAHASA MELAYU**
2. Calon bagi lantikan hendaklah memiliki kepujian dalam subjek Bahasa Melayu pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan.
- PENETAPAN GAJI PERMULAAN**
3. Gaji permulaan yang lebih tinggi daripada gaji minimum Gred JA29 boleh ditetapkan oleh Pihak Berkuasa Melantik berkenaan berasaskan kepada pengalaman kerja atau kepakaran berkaitan.
- TEMPOH PERCUBAAN**
4. Pegawai yang dilantik adalah dikehendaki berkhidmat dalam tempoh percubaan selama 1 hingga 3 tahun.
- LATIHAN**
5. Pegawai boleh dikehendaki mengikuti latihan yang ditetapkan oleh Ketua Jabatan/Perkhidmatan yang berkenaan.
- PROGRAM TRANSFORMASI MINDA/PEPERIKSAAN**
6. Pegawai dalam percubaan adalah dikehendaki hadir dengan jayanya Program Transformasi Minda dan lulus peperiksaan perkhidmatan yang ditetapkan oleh Ketua Jabatan/Perkhidmatan yang berkenaan.

PENGESAHAN DALAM PERKHIDMATAN

7. Pegawai yang dilantik adalah layak disahkan dalam perkhidmatan apabila telah:
- (a) memenuhi tempoh percubaan;
 - (b) hadir dengan jayanya Program Transformasi Minda dan lulus peperiksaan perkhidmatan yang ditetapkan; dan
 - (c) diperakukan oleh Ketua Jabatan/Perkhidmatan.

PERGERAKAN GAJI TAHUNAN

8. Pergerakan gaji tahunan adalah tidak automatik dan akan ditetapkan oleh Ketua Jabatan/Perkhidmatan berdasarkan prestasi perkhidmatan.

KEPERLUAN KOMPETENSI DAN POTENSI

9. Pegawai hendaklah memenuhi kompetensi dan potensi yang ditetapkan untuk kenaikan pangkat.

KENAIKAN PANGKAT KE GRED JA36

10. Penolong Juruukur Bahan Gred JA29 adalah layak dipertimbangkan bagi kenaikan pangkat ke jawatan Penolong Juruukur Bahan Gred JA36 yang kosong apabila telah:
- (a) disahkan dalam perkhidmatan;
 - (b) mencapai tahap prestasi yang ditetapkan;
 - (c) memenuhi kompetensi dan potensi yang ditetapkan; dan
 - (d) diperakukan oleh Ketua Jabatan/Perkhidmatan.

KENAIKAN PANGKAT KE GRED JA38

11. Penolong Juruukur Bahan Gred JA36 adalah layak dipertimbangkan bagi kenaikan pangkat ke jawatan Penolong Juruukur Bahan Gred JA38 yang kosong apabila telah:
- (a) mencapai tahap prestasi yang ditetapkan;
 - (b) memenuhi kompetensi dan potensi yang ditetapkan; dan
 - (c) diperakukan oleh Ketua Jabatan/Perkhidmatan.

PENINGKATAN SECARA LANTIKAN KE JAWATAN JURUUKUR BAHAN GRED J41

12. Penolong Juruukur Bahan yang menunjukkan prestasi yang cemerlang adalah layak dipertimbangkan oleh Pihak Berkuasa Melantik berkenaan untuk peningkatan secara lantikan ke jawatan Juruukur Bahan Gred J41 yang kosong mengikut syarat-syarat yang ditetapkan dalam skim-skim perkhidmatan berkenaan.

Nota: Skim perkhidmatan ini membatalkan skim perkhidmatan Penolong Juruukur Bahan yang berkuat kuasa pada 2.7.2009 (Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 11 Tahun 2009).

FORMAT IKLAN JAWATAN

1. (a) Jawatan : Nyatakan nama jawatan seperti dalam skim perkhidmatan berkenaan.
- (b) Kementerian/Jabatan/Badan Berkanun/Kuasa Tempatan* : Nama Agensi.
- (c) Kumpulan Perkhidmatan : Nyatakan sama ada Kumpulan Pengurusan dan Profesional atau Kumpulan Pelaksana.
- (d) Klasifikasi Perkhidmatan : Nyatakan Klasifikasi Perkhidmatan yang mengandungi skim perkhidmatan tersebut wujud.
2. Jadual Gaji : Rujuk pekeliling perkhidmatan yang berkuat kuasa.
3. Syarat Lantikan : Seperti syarat lantikan dalam skim perkhidmatan yang berkenaan.
4. Taraf Jawatan : Nyatakan sama ada bertaraf tetap, sementara atau kontrak.
5. Penaklukan Di Bawah Syarat-syarat Skim Perkhidmatan : Pegawai-pegawai yang memasuki perkhidmatan (nyatakan seperti di 1(a) di atas) adalah tertakluk kepada syarat-syarat skim perkhidmatan berkenaan yang sedang berkuat kuasa serta pindaan-pindaan yang dibuat ke atasnya dari semasa ke semasa.
6. Fungsi Bidang Tugas : Untuk diisi oleh Ketua Perkhidmatan setiap kali pengiklanan dibuat.
7. Tarikh Tutup Permohonan : Nyatakan tarikh tutup permohonan.

(* Potong mana yang tidak berkenaan)

LAMPIRAN C

**JADUAL GAJI MINIMUM-MAKSIMUM
BAGI PERKHIDMATAN KEJURUTERAAN
KUMPULAN PELAKSANA MULAI 1 JULAI 2013
PELUKIS PELAN (KEJURUTERAAN AWAM)/PENOLONG JURUTERA
PELUKIS PELAN (SENI BINA)/PENOLONG PEGAWAI SENI BINA
(RM SEBULAN)**

| KOD GAJI KOMPUTER SSM | GRED GAJI | GAJI MINIMUM | GAJI MAKSIMUM | KADAR KENAIKAN GAJI TAHUNAN |
|----------------------------------|----------------------|-------------------------|--------------------------|--|
| SSM305JA38000 | JA38 | 3,482.16 | 6,643.03 | 195.00 |
| SSM305JA36000 | JA36 | 3,089.07 | 6,357.42 | 180.00 |
| SSM305JA30000 | JA30 | 1,417.59 | 4,456.92 | 145.00 |
| SSM305JA29000 | JA29 | 1,417.59 | 4,456.92 | 145.00 |
| SSM305JA26000 | JA26 | 2,504.54 | 4,229.98 | 125.00 |
| SSM305JA22000 | JA22 | 2,183.23 | 4,034.46 | 115.00 |
| SSM305JA17000 | JA17 | 952.66 | 3,299.86 | 95.00 |

**JADUAL GAJI MINIMUM-MAKSIMUM
BAGI PERKHIDMATAN KEJURUTERAAN
KUMPULAN PELAKSANA MULAI 1 JULAI 2013
PENOLONG JURUUKUR BAHAN
(RM SEBULAN)**

| KOD GAJI KOMPUTER SSM | GRED GAJI | GAJI MINIMUM | GAJI MAKSIMUM | KADAR KENAIKAN GAJI TAHUNAN |
|----------------------------------|----------------------|-------------------------|--------------------------|--|
| SSM305JA38000 | JA38 | 3,482.16 | 6,643.03 | 195.00 |
| SSM305JA36000 | JA36 | 3,089.07 | 6,357.42 | 180.00 |
| SSM305JA29000 | JA29 | 1,417.59 | 4,456.92 | 145.00 |

**PENGHURAIAN KERJA UMUM
PELUKIS PELAN (KEJURUTERAAN AWAM)/PENOLONG JURUTERA**

1. SKIM PERKHIDMATAN

Pelukis Pelan (Kejuruteraan Awam)/Penolong Jurutera Gred JA17, JA22, JA26, JA29/30, JA36, JA38.

2. PERINGKAT ORGANISASI

Jabatan Kerja Raya, Jabatan Pengairan dan Saliran dan pelbagai Jabatan/Agensi Kerajaan.

3. RINGKASAN TUGAS

Bertanggungjawab melaksanakan penyediaan lukisan teknikal dan spesifikasi, menyemak lukisan perunding, merekod dan menyelenggara lukisan, menyediakan lukisan kerja, lukisan perunding dan menyediakan laporan serta lain-lain tugas yang berkaitan.

Bertanggungjawab mengendalikan pelaksanaan projek bagi skop kerja kejuruteraan antaranya kejuruteraan awam, mekanikal dan elektrik iaitu mengumpul maklumat untuk penyediaan reka bentuk, menyedia dan menyemak lukisan kejuruteraan, merekod inventori, mengawas tapak projek, menyelia pelaksanaan kerja pengawasan pembinaan di tapak projek, menyediakan laporan kemajuan projek, membantu kerja-kerja perundingan dan penyediaan sebut harga dan tender, menjalankan kerja penyenggaraan bangunan dan workshop, melaksanakan kerja-kerja kawalan, pengujian, penyenggaraan berkala peralatan elektrik, merancang dan menyusun aktiviti bagi mengawal selia sistem pengairan dan saliran serta menjalankan tugas-tugas yang berkaitan.

4. SKOP FUNGSI DAN BIDANG TUGAS

4.1. Pelukis Pelan (Kejuruteraan Awam)

4.1.1. Menyediakan lukisan piawai untuk pangkalan data.

4.1.2. Membuat kerja-kerja pencetakan lukisan.

4.1.3. Mengumpul, merekod, menyimpan dan mengawal dokumentasi yang berkaitan dengan lukisan kerja, lukisan terbina (as built), manual operasi dan penyenggaraan serta bahan-bahan rujukan teknikal.

- 4.1.4. Menyediakan lukisan kejuruteraan (baru atau pindaan) dengan menggunakan CAD termasuk lukisan cadangan reka bentuk konsep, reka bentuk awalan dan reka bentuk terperinci pelan pengambilan balik tanah, lukisan jajaran jalan dan lain-lain.
- 4.1.5. Menyediakan lakaran kasar dan simbol-simbol untuk lukisan reka bentuk sistem mekanikal atau elektrik (layout dan skematik).
- 4.1.6. Melaksanakan sistem pendaftaran dan penyimpan lukisan bagi memastikan rekod-rekod lukisan adalah teratur, kemas kini serta senang dikesan.

4.2. Penolong Jurutera

4.2.1. Reka Bentuk

- a. Memberi panduan dan menyelia kerja-kerja Pelukis Pelan (Kejuruteraan Awam).
- b. Menyemak lukisan reka bentuk dan melaksanakan penyediaan senarai kuantiti (BQ) bagi skop kerja-kerja elektrik.
- c. Membuat pengiraan kuantiti daripada lukisan untuk penyediaan anggaran skop kerja mekanikal.
- d. Membantu proses penilaian teknikal untuk projek Reka dan Bina.
- e. Membantu menyediakan skop kerja dan spesifikasi bagi penyediaan Dokumen Tender.
- f. Membantu melaksanakan prosedur pelantikan perunding serta penilaian kos perkhidmatan bagi mengendalikan projek kerajaan.
- g. Menyediakan draf *Need Statement and Term Of References* bagi projek Reka dan Bina dan Perunding (Konvensional) untuk kerja sivil/mekanikal/elektrikal.
- h. Menjalankan kerja pengawasan di tapak projek mengikut lukisan pembinaan dan kontrak termasuk pemasangan peralatan mekanikal dan/atau perkhidmatan sistem elektrikal serta kerja-kerja pengujian tertentu.
- i. Menjalankan pra-ujian untuk pemasangan peralatan mekanikal dan/atau sistem elektrikal di tapak.

- j. Memastikan rekod/catatan tapak projek dikemas kini dengan teratur.
- k. Menjalankan pemeriksaan kecacatan/pembaikan dalam tempoh Tanggungan Kecacatan (DLP).
- l. Membantu menyemak tuntutan bayaran seperti bayaran penyiasatan tanah (SI), bayaran Juruukur, Inden, Bayaran Interim dan bayaran pampasan tanah.
- m. Memastikan semua dokumen-dokumen tapak projek disimpan dengan baik.
- n. Mengumpul dan menyusun laporan-laporan projek, pemantauan dan prestasi bagi projek-projek berkenaan.
- o. Menyelaras kerja-kerja audit kualiti pembinaan di tapak projek.
- p. Membantu penyediaan laporan-laporan projek, pemantauan, kemungkiran dan prestasi bagi projek-projek di bawah penyeliaan unit/cawangan untuk kemukakan kepada pengurusan atasan.
- q. Menjalankan tugas keurusetiaan bagi mesyuarat tapak, koordinasi dan teknikal projek.
- r. Mengemas kini laporan projek, laporan teknikal mengikut keperluan dan prosedur penyimpanan dokumen Sistem Pengurusan Kualiti (SPK).
- s. Mengemas kini kemajuan fizikal dan kewangan projek menggunakan perisian SKALA Workflow dan MS Project.

4.2.2. Pengurusan Aset/Senggara

- a. Menyelaras dan menyelia dalam aspek pengurusan aset (penerimaan, pendaftaran, penggunaan, penyimpanan, pemeriksaan, penyelenggaraan, pelupusan, kehilangan dan hapus kira)
- b. Menyelaras dan menyelia penyediaan laporan harta modal, inventori dan laporan pelupusan aset alih kerajaan
- c. Menyelaras, mengawas atau melaksana kerja-kerja penyenggaraan, pembaikan, penggantian dan pemasangan (skop kerja awam/mekanikal/elektrik) bagi dalam dan luar bangunan.

- d. Membantu menjalankan kerja-kerja forensik bagi aduan kerosakan struktur bangunan atau membantu jabatan/agensi yang terlibat dalam penyiasatan forensik tersebut termasuk memastikan tarikh lawatan tapak dan maklumat lain berkaitan untuk tujuan laporan penyiasatan di tapak.
- e. Mengumpul dan menyediakan maklumat yang berkaitan dengan kajian *post occupancy* bagi projek-projek yang telah disiapkan dan diserahkan kepada pelanggan bagi tujuan penanda aras dan penambahbaikan yang berterusan.

4.2.3. *Workshop Automotif*

- a. Menyelaras pengujian dan pemeriksaan kenderaan baru untuk jabatan-jabatan kerajaan, kenderaan terpakai untuk tujuan penilaian harga rizab kenderaan dan pinjaman kewangan kerajaan bagi pegawai kerajaan.
- b. Membuat anggaran visual dan anggaran kos pembaikan kenderaan jabatan kerajaan yang terlibat dengan kemalangan dan penilaian harga lelong serta lucuthak kenderaan.
- c. Melaksanakan pemeriksaan, penyelenggaraan dan pembaikan kenderaan dan loji mengikut jadual yang ditetapkan.

4.2.4. Pengurusan Automotif

- a. Meneliti dan menyemak kes/permohonan melibatkan keperluan/arahan dalam Akta Pengangkutan Jalan 1987 dan Kaedah-kaedah Pengangkutan Jalan.
- b. Mengawal selia aktiviti pemeriksaan kenderaan perdagangan oleh pihak swasta (PUSPAKOM) dengan membuat lawatan, pemeriksaan mengejut dan perbincangan.
- c. Menyediakan sijil timbang berat kenderaan mengikut permohonan dari pembuat atau pengedar kenderaan.
- d. Memproses permohonan bagi taksiran *Ad Valorem Registration Fee* (AVRF) ke atas semua trailer yang dibina tempatan.
- e. Memproses permohonan bagi mendapatkan status motokar vintaj/klasik bagi tujuan pengurangan bayaran Lesen Kenderaan Motor (LKM).

- f. Membantu Jurutera merancang program pelaksanaan penyelenggaraan dan tentukan alat-alat penguatkuasaan pemeriksaan kenderaan seperti peralatan di Stesen Penguat kuasa JPJ, titi timbang, penguji cermin gelap dan sebagainya.
- g. Membantu Jurutera memberi khidmat nasihat berkaitan keselamatan kenderaan.
- h. Membantu Jurutera di dalam meneliti permohonan mengecop semula nombor casis dan enjin, penukaran enjin, penukaran casis, penukaran gandar dan permohonan-permohonan pengubahsuaian kenderaan. Merujuk dengan jabatan-jabatan kerajaan yang lain seperti Jabatan Alam Sekitar, MKJR, DSM dan sebagainya.
- i. Memproses permohonan kelulusan jenis kenderaan baru pemasangan tempatan, import baru dan terpakai serta melaksanakan pemeriksaan dan pengujian ke atas model pertama kenderaan tersebut.
- j. Membantu Jurutera untuk menyemak pelan-pelan kenderaan yang disyorkan oleh PUSPAKOM, sebelum diluluskan oleh Pengarah atau Penolong Pengarah.
- k. Membantu Jurutera di dalam kerja-kerja penilaian kenderaan yang disita dan kenderaan lucut hak oleh Jabatan Kastam bagi tujuan lelongan.

4.2.5. Pengairan dan Saliran

- a. Melaksanakan tugas mengumpul data bagi semua kerja-kerja pembangunan termasuk siasatan, sukat menyukat, membantu dalam panggilan tender dan menyelia kontrak/sebut harga di kawasan dan tadahan empangan.
- b. Melaksanakan kerja-kerja mengumpul dan memproses *hydrological and reservoir* data yang berkaitan dengan empangan untuk menentukan kedudukan takungan air empangan semasa.
- c. Melaksanakan tugas mengumpul dan memproses data-data kajian mengenai kaedah untuk menambahkan sumber air seperti sumber air bawah tanah, penggunaan pam guna semula, pembenihan awan dan sebagainya.
- d. Melaksanakan tugas mengumpul data-data bagi semua kerja-kerja pembangunan sumber air.

- e. Melaksanakan tugas memantau dan menyiasat kes pelaku kesalahan di bawah Akta Kanun Tanah Negara dan Ordinan Pengairan 1953.
- f. Menyemak dan menganalisis data-data berkaitan perjalanan pam guna semula dan lain-lain data yang berkaitan dengan Unit Penyelarasan Pengairan dan Saliran/Penguatkuasaan serta membantu menyelaras kerja-kerja penguatkuasaan.
- g. Menyelaras dan menilai perkhidmatan pengairan dan saliran serta mengumpul maklumat banjir dan kerosakan infrastruktur.
- h. membantu Jurutera Pengurusan Empangan (operasi dan penyenggaraan) berkaitan dengan operasi dan penyenggaraan empangan.
- i. Menyelia kerja-kerja pembangunan berkaitan dengan keselamatan empangan dan membantu Jurutera Sumber Air atas segala fungsi-fungsi berkaitan dengan kajian pembangunan sumber air yang berkaitan.
- j. Membantu Jurutera Keselamatan atas segala fungsi-fungsi berkaitan dengan keselamatan empangan/tadahan/kolam takungan.

4.2.6. Mekanikal dan Infrastruktur Ladang

- a. Membantu merancang, menyelia dan mengawasi program penyelenggaraan jentera.
- b. Mengurus keperluan logistik untuk pembangunan dan penyelenggaraan ladang.
- c. Menyelaras keperluan jentera tambahan untuk kerja-kerja penyelenggaraan di ibu pejabat/kawasan/jajahan.
- d. Menyedia laporan operasi dan senggara jentera.

5. HUBUNGAN KERJA

5.1. Dalaman

5.1.1. Pegawai dalaman Jabatan/Agensi.

5.2. Luaran

5.2.1. Kementerian/Jabatan/Agensi/Badan Berkanun/Pihak Berkuasa Tempatan.

5.2.2. Kontraktor.

5.2.3. Pembekal.

6. PERSEKITARAN KERJA

6.1. Dalam dan luar pejabat.

6.2. Dalam negara dan luar negara.

7. KEBOLEHAN YANG DIUTAMAKAN (PENGETAHUAN/ KEMAHIRAN)

7.1. Kelulusan yang diiktiraf dalam bidang kejuruteraan.

7.2. Berkemahiran dalam bidang komputer.

7.3. Berkebolehan berkomunikasi secara lisan dan bertulis sama ada dalam Bahasa Melayu dan Bahasa Inggeris.

7.4. Berkebolehan memberikan pendapat secara profesional, memberi khidmat nasihat dan mengemukakan hujah-hujah dengan baik.

7.5. Berkebolehan dalam menulis laporan yang berkualiti.

8. SIFAT-SIFAT YANG BERSESUAIAN DENGAN JAWATAN

8.1. Bertanggungjawab.

8.2. Profesionalisme.

8.3. Kebebasan, adil dan saksama.

8.4. Kualiti.

8.5. Kerahsiaan.

8.6. Kompetensi dan ketelitian.

8.7. Disiplin diri.

9. ANCAMAN/BAHAYA

9.1. Terdedah risiko di tapak projek, pembinaan atau luar pejabat.

9.2. Tekanan.

**PENGHURAIAN KERJA UMUM
PELUKIS PELAN (SENI BINA)/PENOLONG PEGAWAI SENI BINA**

1. SKIM PERKHIDMATAN

Pelukis Pelan (Seni Bina)/Penolong Pegawai Seni Bina Gred JA17, JA22, JA26, JA29/30, JA36, JA38.

2. PERINGKAT ORGANISASI

Jabatan Kerja Raya/Jabatan/Agensi/Pihak Berkuasa Tempatan.

3. RINGKASAN TUGAS

Bertanggungjawab mengendalikan pelaksanaan bagi skop kerja seni bina termasuk melaksanakan penyediaan lukisan teknikal dan spesifikasi, menyemak lukisan perunding, merekod dan menyelenggara lukisan, menyediakan *study model*, menyediakan reka bentuk, menyedia lakaran reka bentuk, menyediakan lukisan kerja, lukisan perunding, memantau maklum balas penilaian teknikal, melaksanakan audit kualiti (reka bentuk)/audit seni bina pembinaan dan menyediakan laporan serta lain-lain tugas yang berkaitan tugas-tugas berkaitan aspek reka bentuk dan seni bina.

Bertanggungjawab ke atas Permohonan Kebenaran Merancang Bagi Pendirian Bangunan, Permohonan Pelan Susun Atur, Permohonan Kelulusan Landskap, Permohonan Pemasangan Papan Tanda Bangunan Komersial dan Bangunan Pejabat Kerajaan. Menyelaras pengeluaran surat sokongan Perakuan Kelayakan Menduduki Bangunan (CF), Permohonan Ubahsuai Bangunan, reka bentuk ruang pameran dan bahan-bahan pameran, ulasan cadangan pencahayaan bangunan dan ulasan cadangan reka bentuk dalaman bagi bangunan-bangunan di bawah penyeliaan jabatan serta lain-lain tugas yang berkaitan.

4. SKOP FUNGSI DAN BIDANG TUGAS

4.1. Pelukis Pelan (Seni Bina)

4.1.1. Menyediakan lukisan piawai untuk pangkalan data.

4.1.2. Menyediakan lukisan (lukisan kerja arkitek, lukisan persembahan (3D), lukisan terperinci, lukisan tender dan pembinaan serta *measured drawing*/lukisan terukur dan lukisan perspektif).

4.1.3. Menyediakan *study model*.

- 4.1.4. Menjalankan audit kualiti reka bentuk dan menyediakan maklumat untuk laporan audit.
- 4.1.5. Merekod dan menyenggara lukisan-lukisan.
- 4.1.6. Membantu menyediakan lukisan perunding dan maklum balas ulasan teknikal.
- 4.1.7. Menyediakan lukisan mengikut kehendak pihak berkuasa tempatan dan lain-lain keperluan perundangan.
- 4.1.8. Menyediakan dan memasukkan data pengiraan Skor *Industrialised Building System* (IBS) dalam peringkat penyediaan reka bentuk.
- 4.1.9. Membantu reka bentuk pameran serta bahan-bahan pameran yang dianjurkan perbadanan/jabatan dan agensi-agensi luar.
- 4.1.10. Membantu penyimpanan model-model bangunan dan laporan berkaitan bagi permohonan yang telah diluluskan.

4.2. **Penolong Pegawai Seni Bina**

- 4.2.1. Membantu Arkitek dalam memberi khidmat nasihat berkaitan dengan keseluruhan aspek seni bina, termasuk tapak pembinaan, perancangan, reka bentuk, perkhidmatan, bahan-bahan dan piawaiannya.
- 4.2.2. Menyediakan dokumen pelantikan, pemarkahan perunding, tuntutan yuran ikhtisas dan tuntutan imbuhan balik perunding Seni Bina selaras dengan peraturan kerajaan.
- 4.2.3. Memantau kerja-kerja perancangan reka bentuk oleh perunding Seni Bina supaya pelan susun atur dan reka bentuk bangunan selaras dengan peraturan kerajaan.
- 4.2.4. Memantau Permohonan Kelulusan Perancangan dan Kelulusan Bangunan serta Kelulusan Jabatan Teknikal yang dibuat oleh perunding Seni Bina dengan menyediakan khidmat urus setia kerjasama.
- 4.2.5. Menyelaras kerja-kerja pembinaan dilaksanakan mengikut spesifikasi seni bina yang ditentukan dengan kerjasama Jurutera Tapak dan ejen-ejenjnya. Bertanggungjawab mengesahkan penggunaan bahan bangunan dan sistem bangunan yang akan digunakan supaya mematuhi garis panduan dan undang-undang.
- 4.2.6. Menyelaras permohonan perubahan kerja bagi kerja-kerja berkaitan seni bina.

- 4.2.7. Menyemak dan mengesahkan kemajuan skop kerja arkitek di tapak bina untuk tujuan penyediaan bayaran tuntutan kemajuan kerja.
- 4.2.8. Menyelia pelaksanaan audit pembinaan bagi projek-projek reka bina dan menyediakan laporan audit serta pemeriksaan akhir sebelum penyerahan projek.
- 4.2.9. Menyemak ketepatan maklumat kewangan dan kemajuan projek untuk input laporan pemantauan projek berkala dan maklumat sistem pemantauan projek online (SKALA).
- 4.2.10. Melaksanakan dan membantu dalam menjalankan pelaksanaan SPK ISO 9001 1:2000 JKR.
- 4.2.11. Menyelaras penyediaan spesifikasi lukisan persembahan, penyediaan model, carta, rajah serta drobe untuk tujuan pameran.
- 4.2.12. Menyemak dan membantu menyelaras ulasan berkaitan aspek reka bentuk bandar dan seni bina ke atas Permohonan Kebenaran Merancang Bagi Pendirian Bangunan untuk semua jenis pembangunan bagi presint dan kawasan setempat.
- 4.2.13. Menyemak dan membantu menyelaras ulasan berkaitan aspek Reka Bentuk Bandar untuk permohonan Kebenaran Merancang Bagi Pelan Susun Atur dan Pindaan Pelan Susun Atur bagi presint dan kawasan setempat.
- 4.2.14. Menyelaras lawatan tapak bagi pengeluaran Surat Sokongan Perakuan Kelayakan Menduduki (CFO) atau Perakuan Siap dan Pematuhan (CCC) bagi pembangunan di presint dan kawasan setempat.
- 4.2.15. Menyelaras kerja-kerja pembinaan projek-projek jabatan dari sudut reka bentuk bandar, seni bina dan reka bentuk dalaman.
- 4.2.16. Menyemak dan menyelaras ulasan berkaitan aspek reka bentuk bandar bagi permohonan kelulusan pemasangan papan tanda komersial seperti kedai pejabat dan pusat membeli belah.
- 4.2.17. Menyemak dan menyelaras ulasan berkaitan aspek reka bentuk bandar bagi permohonan kelulusan pemasangan papan tanda bangunan-bangunan kerajaan dari sudut reka bentuk bandar.
- 4.2.18. Menyemak dan menyelaras ulasan berkaitan aspek reka bentuk bandar bagi pembangunan struktur menara telekomunikasi, struktur infrastruktur dan utiliti serta permohonan permit telekomunikasi di atas bangunan.

- 4.2.19. Menyemak dan menyelaraskan ulasan dari aspek reka bentuk bandar dan pencahayaan bagi permohonan kelulusan landskap untuk presint dan kawasan setempat.
- 4.2.20. Menyemak dan menyelaraskan ulasan bagi permohonan kelulusan pengubahsuaian dan pindaan bagi bangunan-bangunan.
- 4.2.21. Menyemak dan menyelaraskan maklum balas berkenaan penguatkuasaan perancangan dari sudut reka bentuk bandar dan seni bina bagi presint dan kawasan setempat.

5. HUBUNGAN KERJA

5.1. Dalaman

- 5.1.1. Pegawai dalaman Jabatan/Agensi.

5.2. Luaran

- 5.2.1. Jabatan/Agensi Teknikal (Jawatankuasa Pusat Setempat).
- 5.2.2. Pemohon pemajuan di kaunter OSC.
- 5.2.3. Kementerian/Jabatan/Agensi/Badan Berkanun/Pihak Berkuasa Tempatan.
- 5.2.4. Firma-firma perunding.
- 5.2.5. Pembekal.

6. PERSEKITARAN KERJA

- 6.1. Dalam dan luar pejabat.
- 6.2. Dalam negara dan luar negara.

7. KEBOLEHAN YANG DIUTAMAKAN (PENGETAHUAN/KEMAHIRAN)

- 7.1. Kelulusan yang diiktiraf dalam bidang seni bina.
- 7.2. Berkemahiran dalam bidang komputer.
- 7.3. Berkebolehan berkomunikasi secara lisan dan bertulis sama ada dalam Bahasa Melayu dan Bahasa Inggeris.
- 7.4. Berkebolehan memberi khidmat nasihat dan mengemukakan hujah-hujah dengan baik.

- 7.5. Berkebolehan dalam menulis laporan/surat/minit mesyuarat yang berkualiti.

8. SIFAT-SIFAT YANG BERSESUAIAN DENGAN JAWATAN

- 8.1. Bertanggungjawab.
- 8.2. Profesionalisme.
- 8.3. Kebebasan, adil dan saksama.
- 8.4. Kualiti.
- 8.5. Kerahsiaan.
- 8.6. Kompetensi dan ketelitian.
- 8.7. Disiplin diri.

9. ANCAMAN BAHAYA

- 9.1. Penglibatan orang awam, perunding dan lain-lain *stakeholder* di kaunter OSC.
- 9.2. Terdedah risiko di tapak projek, pembinaan atau luar pejabat.
- 9.3. Tekanan.

**PENGHURAIAN KERJA UMUM
PENOLONG JURUUKUR BAHAN**

1. SKIM PERKHIDMATAN

Penolong Juruukur Bahan Gred JA29, JA36, JA38.

2. PERINGKAT ORGANISASI

Jabatan Kerja Raya/Pelbagai Jabatan/Agensi.

3. RINGKASAN TUGAS

Bertanggungjawab mengendali pelaksanaan skop kerja ukur bahan berhubung pentadbiran kontrak termasuk menyediakan anggaran kos awal, membuat pengukuran kuantiti (taking off), menyediakan dokumen tender dan kontrak, menyedia perakuan bayaran interim, menyedia arahan perubahan kerja, perakuan akaun dan bayaran muktamad, mengemas kini sijil-sijil dan perakuan yang berkaitan dan menjalankan tugas-tugas lain yang diarahkan dari semasa ke semasa.

4. SKOP FUNGSI DAN BIDANG TUGAS

4.1 Reka Bentuk dan Pakar (Pra Kontrak)

4.1.1 Menyelaras penyediaan anggaran awal dan '*Preliminary Detailed Abstract*' (PDA).

4.1.2 Menyelaras pengukuran kuantiti bangunan dan kerja-kerja luar bangunan.

4.1.3 Menyelaras penyediaan senarai kuantiti (BQ) agar dapat disiapkan mengikut jadual.

4.1.4 Menyelaras penyediaan dokumen tender dan dokumen meja tender (TTD) agar teratur dan mengikut jadual.

4.1.5 Menyelaras penyediaan dokumen sebut harga dan menguruskan pemanggilan dan penjualan sebut harga.

- 4.2 Pengurusan Projek (Pengawasan Projek dan Pentadbiran Kontrak)
- 4.2.1 Menyelaras pelaksanaan pentadbiran kontrak di peringkat pra dan pasca kontrak. Menyelaras penyediaan dokumen kontrak dan edaran dokumen kontrak kepada pihak berkaitan.
 - 4.2.2 Membantu membuat penilaian kemajuan kerja semasa dan menyediakan Perakuan Bayaran Interim.
 - 4.2.3 Membantu menyediakan Dokumen Tender, Dokumen Meja Tender dan Laporan Tender untuk subkontrak.
 - 4.2.4 Menyediakan Perakuan Perubahan Kerja (APK) dan Pelarasan Harga Kontrak (PHK).
 - 4.2.5 Menyelia penyediaan perakuan akaun muktamad dan pembayaran muktamad.
 - 4.2.6 Memantau penyediaan '*as completed detailed abstract*'.
- 4.3 Khidmat Nasihat Teknikal dan Lain-lain.
- 4.3.1 Menyelaras pelaksanaan audit teknik ke atas sijil-sijil dan dokumen- dokumen seperti dokumen meja tender, dokumen kontrak, perakuan lanjutan masa, perakuan kerja tak siap, arahan perubahan kerja, '*as tendered detailed abstract*', penyata kira-kira muktamad, laporan siap kerja, '*as completed detailed abstract*'.
 - 4.3.2 Menyelaras pengemaskinian serta penyimpanan maklumat berikut:
 - a. Borang-borang piawai.
 - b. Senarai kuantiti piawai.
 - c. Laporan bulanan Kemajuan Kerja Projek.
 - d. Kos data untuk penganalisan tender dan penyediaan anggaran.
 - e. Penyediaan bayaran interim.
 - f. Penilaian tender.
 - g. Angkatunjuk harga tender.
 - h. Profail kontraktor.

- 4.3.3 Memantau perkhidmatan Perunding dan membantu menyemak tuntutan bayaran perunding ukur bahan.

5. HUBUNGAN KERJA

5.1 Dalaman

- 5.1.1 Pegawai dalaman Jabatan/Agensi.

5.2 Luaran

- 5.2.1 Kementerian/Jabatan/Agensi/Badan Berkanun/Pihak Berkuasa Tempatan.
- 5.2.2 Kontraktor.
- 5.2.3 Pembekal.

6. PERSEKITARAN KERJA

- 6.1 Dalam dan luar pejabat.
- 6.2 Dalam negara dan luar negara.

7. KEBOLEHAN YANG DIUTAMAKAN (PENGETAHUAN/KEMAHIRAN)

- 7.1 Kelulusan yang diiktiraf dalam bidang ukur bahan.
- 7.2 Berkemahiran dalam bidang komputer.
- 7.3 Berkebolehan dalam bidang undang-undang, peraturan am kewangan/pentadbiran.
- 7.4 Berkebolehan berkomunikasi secara lisan dan bertulis sama ada dalam Bahasa Melayu dan Bahasa Inggeris.
- 7.5 Berkebolehan memberikan pendapat secara profesional, memberi khidmat nasihat dan mengemukakan hujah-hujah dengan baik.
- 7.6 Berkebolehan dalam menulis laporan yang berkualiti.

8. SIFAT-SIFAT YANG BERSESUAIAN DENGAN JAWATAN

- 8.1 Bertanggungjawab.
- 8.2 Profesionalisme.

- 8.3 Kebebasan, adil dan saksama.
- 8.4 Kualiti.
- 8.5 Kerahsiaan.
- 8.6 Kompetensi dan ketelitian.
- 8.7 Disiplin diri.

9. ANCAMAN/BAHAYA

- 9.1 Terdedah risiko di tapak projek, pembinaan atau luar pejabat.
- 9.2 Tekanan.

**SURAT TAWARAN OPSYEN PERTUKARAN PELANTIKAN
(JURUTEKNIK GRED J17 BIDANG KEJURUTERAAN)**

(Nama dan Alamat Ketua Jabatan)

.....
.....

Fail Ruj.:

Tarikh:

Nama : (Nama Pegawai)

Alamat :

.....

Tuan/Puan,

TAWARAN PERTUKARAN PELANTIKAN BERIKUTAN PENJUMUDAN SKIM PERKHIDMATAN JURUTEKNIK GRED J17/ J22/ J26 KE SKIM PERKHIDMATAN PELUKIS PELAN (KEJURUTERAAN AWAM)/ PENOLONG JURUTERA GRED JA17, JA22, JA26, JA29/30, JA36, JA38 MELALUI PEMBERIAN OPSYEN

Dengan hormatnya dimaklumkan bahawa kerajaan telah memutuskan penjumudan skim perkhidmatan Juruteknik Gred J17, J22, J26 dilaksanakan berkuat kuasa pada **1 Julai 2013**. Sehubungan itu, tuan/puan ditawarkan pertukaran pelantikan sebagai **Penolong Jurutera Gred JA29** di (Nama Jabatan) di bawah Klasifikasi Perkhidmatan Kejuruteraan.

2. Tawaran pertukaran pelantikan melalui opsyen ini tertakluk kepada syarat-syarat seperti dinyatakan di **Lampiran E1**. Tuan/Puan dikehendaki memberi jawapan sama ada **menerima atau menolak tawaran** pertukaran pelantikan ini dengan mengisi Borang Opsyen di **Lampiran E2**. Jawapan tuan/puan hendaklah sampai ke pejabat ini sebelum atau pada(30 hari mulai tarikh surat tawaran dikeluarkan).

2.1 Sekiranya tuan/puan **menerima tawaran**, tuan/puan hendaklah:

Menandakan (✓) dalam kotak yang disediakan **di perenggan (a) dalam Borang Opsyen di Lampiran E2**. Tuan/Puan juga hendaklah memilih sama ada:

- (a) terus ditukar lantik ke skim perkhidmatan yang ditawarkan dengan gaji RM atas Gred mulai pada tarikh yang sama; atau
- (b) ditukar lantik sehari selepas dinaikkan pangkat secara *time-based* berasaskan kecemerlangan dalam skim perkhidmatan asal. Tuan/Puan akan dikekalkan secara Khas Untuk Penyandang (KUP) di dalam skim perkhidmatan dan gred jawatan asal yang dijumudkan sehingga memenuhi syarat yang ditetapkan;

atau

2.2 Sekiranya tuan/puan **menolak tawaran**, tuan/puan hendaklah:

Menandakan (✓) dalam kotak yang disediakan **di perenggan (b) dalam Borang Opsyen di Lampiran E2**. Tuan/Puan akan dikekalkan di dalam skim perkhidmatan dan gred jawatan asal yang dijumudkan secara Khas Untuk Penyandang (KUP).

Sekian, terima kasih.

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

Saya yang menurut perintah,

.....
(Tandatangan Ketua Jabatan)

**SYARAT-SYARAT PERTUKARAN PELANTIKAN MELALUI OPSYEN BAGI
JURUTEKNIK GRED J17 BIDANG KEJURUTERAAN**

1. Kerajaan telah memutuskan supaya penjumudan skim perkhidmatan Juruteknik Gred J17, J22, J26 dilaksanakan berkuat kuasa pada **1 Julai 2013**. Dengan keputusan itu, tuan/puan diberi opsyen sama ada **menerima** untuk ditukar lantik sebagai Penolong Jurutera Gred JA29 ataupun **menolak** tawaran pertukaran pelantikan. Jika tuan/puan **menolak tawaran pertukaran pelantikan ini**, tuan/puan akan **dikekalkan di dalam skim perkhidmatan dan gred jawatan asal yang dijumudkan secara Khas Untuk Penyandang (KUP)**. Opsyen ini adalah **muktamad**.
2. Bagi tuan/puan yang menerima tawaran untuk ditukar lantik sebagai Penolong Jurutera Gred JA29, tuan/puan boleh memilih sama ada:
 - (a) terus ditukar lantik ke skim perkhidmatan yang ditawarkan; atau
 - (b) ditukar lantik setelah dinaikkan pangkat secara *time-based* berasaskan kecemerlangan dalam skim perkhidmatan asal. Tuan/Puan akan kekal di dalam skim perkhidmatan dan gred jawatan asal yang dijumudkan secara KUP sehingga sehari selepas kenaikan pangkat secara *time-based* tersebut.
3. Tempoh opsyen yang diberi kepada tuan/puan untuk membuat pilihan ialah **30 hari** mulai dari tarikh surat tawaran dikeluarkan. Jika tuan/puan tidak membuat pilihan atau tidak melaporkan diri bertugas pada tarikh yang ditetapkan atau membuat pilihan dengan bersyarat atau gagal mengembalikan borang opsyen tanpa sebarang sebab yang munasabah, tuan/puan adalah **dianggap menolak** tawaran pertukaran pelantikan dan akan dikekalkan dalam skim perkhidmatan dan gred jawatan asal secara KUP.
4. Tuan/Puan akan ditawarkan ke jawatan **Penolong Jurutera Gred JA29**.

OPSYEN

**TEMPOH MEMBUAT
OPSYEN**

**JAWATAN YANG
DITAWARKAN**

5. Tuan/Puan akan tertakluk kepada syarat dan peraturan yang diperuntukkan dalam skim perkhidmatan yang tuan/puan ditukar lantik.

**PEMAKAIAN SYARAT
DAN PERATURAN
PERKHIDMATAN
BAHARU**

6. (i) Tuan/Puan yang memilih untuk terus ditukar lantik ke skim perkhidmatan Penolong Jurutera Gred JA29 akan ditawarkan:

GAJI PERMULAAN

(a) gaji minimum di gred jawatan baharu sekiranya gaji akhir di gred jawatan asal adalah sama atau lebih rendah daripada gaji minimum di gred jawatan baharu; atau

(b) gaji yang sama dengan gaji akhir di gred jawatan asal jika gaji akhir tuan/puan di gred jawatan asal lebih tinggi daripada gaji minimum di gred jawatan baharu; atau

(c) pada gaji permulaan kelayakan diploma bagi pegawai yang memiliki kelayakan diploma jika amaun gaji di gred jawatan asal adalah lebih rendah daripada gaji permulaan kelayakan diploma.

(ii) Tuan/Puan yang memilih ditukar lantik sebagai Penolong Jurutera Gred JA29 setelah dinaikkan pangkat secara *time-based* berasaskan kecemerlangan dalam skim perkhidmatan asal, gaji tuan/puan akan diselaraskan di Gred JA29 sehari selepas dinaikkan pangkat mengikut prinsip di perenggan 6 (i) di atas.

Pegawai yang gaji akhirnya tidak dapat ditampung oleh amaun gaji mengikut kaedah di atas, maka jadual gaji KUP hendaklah dipohon daripada Bahagian Saraan, JPA.

7. Pergerakan Gaji Tahunan pegawai yang sepatutnya diterima pada tahun pertukaran pelantikan hendaklah diberi dahulu di gred jawatan asal sebelum diselaraskan ke gred jawatan baharu.

**PERGERAKAN GAJI
TAHUNAN**

8. Tarikh Pergerakan Gaji (TPG) tuan/puan adalah dikekalkan mengikut TPG jawatan asal.

**TARIKH
PERGERAKAN GAJI**

- | | | |
|-----|--|--|
| 9. | Tuan/Puan dikecualikan daripada syarat tempoh percubaan jika tuan/puan telah disahkan dalam perkhidmatan asal. Walau bagaimanapun untuk tujuan pencen, tuan/puan hendaklah disahkan dalam perkhidmatan baharu oleh Pihak Berkuasa Melantik pada bila-bila masa dalam tempoh enam (6) bulan daripada tarikh kuat kuasa pertukaran pelantikan. | TEMPOH PERCUBAAN BAGI PEGAWAI YANG TELAH DISAHKAN |
| 10. | Tuan/Puan yang belum disahkan dalam perkhidmatan asal, dikehendaki menghabiskan baki tempoh percubaan dan boleh disahkan dalam perkhidmatan pada bila-bila masa sekiranya telah mencukupi tempoh sekurang-kurangnya satu (1) tahun termasuk mengambil kira tempoh percubaan jawatan asal tertakluk dengan syarat tuan/puan telah memenuhi semua syarat pengesahan dalam perkhidmatan yang ditetapkan. Syarat-syarat pengesahan dalam perkhidmatan yang telah dipenuhi dengan jayanya semasa di jawatan asal adalah dikecualikan. | TEMPOH PERCUBAAN BAGI PEGAWAI YANG BELUM DISAHKAN |
| 11. | Kekananan tuan/puan di jawatan baharu dikira mulai tarikh kuat kuasa pertukaran pelantikan. | KEKANANAN |
| 12. | Jika tuan/puan belum disahkan dalam perkhidmatan, tuan/puan layak diberi opsyen skim Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) sebelum diperakukan pengesahan dalam perkhidmatan di jawatan baharu. | OPSYEN SKIM KWSP |
| 13. | Taraf berpencen yang diberi kepada tuan/puan sebelum pertukaran pelantikan ini dikuatkuasakan akan dikekalkan. | TARAF BERPENCEN DIKEKALKAN |
| 14. | Tuan/Puan dibenarkan membawa baki cuti rehat tahunan dan cuti rehat yang telah dikumpulkan untuk tujuan award wang tunai sebagai gantian cuti rehat, mengikut syarat dan peraturan yang berkuat kuasa. | CUTI REHAT |
| 15. | Tuan/Puan boleh ditempatkan berkhidmat di mana-mana jua seperti mana yang diarahkan oleh Ketua Perkhidmatan/ Ketua Jabatan. | PENEMPATAN |
| 16. | Ketua Perkhidmatan tuan/puan ialah | KETUA PERKHIDMATAN |
| 17. | Tuan/Puan akan sentiasa tertakluk kepada peraturan dan arahan yang berkuat kuasa dalam perkhidmatan awam. | KEPERLUAN MEMATUHI PERATURAN |

18. Tuan/Puan dikecualikan daripada syarat pemeriksaan kesihatan, akuan berkanun, aku janji dan tapisan keselamatan sekiranya tuan/puan telah memenuhi syarat tersebut semasa di jawatan asal.
19. Pertukaran pelantikan tuan/puan melalui pemberian opsyen ini adalah berkuat kuasa mulai **1 Julai 2013**. Bagi pegawai yang memilih untuk dinaikkan pangkat secara *time-based* berasaskan kecemerlangan dalam skim perkhidmatan asal, tarikh kuat kuasa pertukaran pelantikan ke skim perkhidmatan yang ditawarkan adalah sehari selepas pegawai dinaikkan pangkat secara *time-based* tersebut.
20. Hubungan tuan/puan dengan perkhidmatan asal adalah terputus **kecuali** bagi tujuan faedah persaraan dan kemudahan-kemudahan lain yang diberi berdasarkan tempoh perkhidmatan seperti cuti rehat, cuti haji dan pinjaman.

**SYARAT
PELANTIKAN YANG
DIKECUALIKAN**

**TARIKH KUAT
KUASA**

**HUBUNGAN DENGAN
PERKHIDMATAN
ASAL**

**BORANG OPSYEN
(JURUTEKNIK GRED J17 BIDANG KEJURUTERAAN)**

Fail Rujukan :
Tarikh :

(Nama dan Alamat Ketua Jabatan)

.....
.....

Tuan,

TAWARAN PERTUKARAN PELANTIKAN BERIKUTAN PENJUMUDAN SKIM PERKHIDMATAN JURUTEKNIK GRED J17/ J22/ J26 KE SKIM PERKHIDMATAN PELUKIS PELAN (KEJURUTERAAN AWAM)/ PENOLONG JURUTERA GRED JA17, JA22, JA26, JA29/30, JA36, JA38 MELALUI PEMBERIAN OPSYEN

Berhubung dengan surat tuan bil.: bertarikh mengenai perkara di atas, maka saya dengan ini membuat pilihan seperti berikut:-

* (a) **Menerima** tawaran pertukaran pelantikan sebagai Penolong Jurutera Gred JA29 dan:

* (i) terus ditukar lantik ke skim perkhidmatan yang ditawarkan di (Nama Jabatan) di bawah Klasifikasi Perkhidmatan Kejuruteraan dengan gaji RM atas Gred JA29 dengan syarat yang dinyatakan di **Lampiran E1** surat tawaran tuan;

atau

(ii) ditukar lantik ke skim perkhidmatan yang ditawarkan dengan syarat yang dinyatakan di **Lampiran E1** surat tawaran tuan setelah dinaikkan pangkat secara *time-based* berasaskan kecemerlangan dalam skim perkhidmatan asal. Dengan ini, saya bersetuju kekal di dalam skim perkhidmatan dan gred jawatan asal yang dijumudkan secara Khas Untuk Penyandang (KUP).

ATAU

- (b) **Menolak** tawaran pertukaran pelantikan ke skim perkhidmatan Penolong Jurutera Gred JA29 dan dengan ini bersetuju kekal di dalam skim perkhidmatan dan gred jawatan asal yang dijumudkan secara KUP.

2. Saya sesungguhnya faham kandungan surat tawaran ini dan implikasi ke atas pilihan yang saya buat.

Tandatangan :
Nama Penuh :
No.Kad Pengenalan :
Jawatan :
Tarikh :

Di hadapan :

.....
SAKSI**

Nama Penuh :
No. Kad Pengenalan :
Jawatan :
Alamat :

Tarikh :

Nota:

- * Tandakan (✓) dalam salah satu petak yang berkenaan
- ** Ketua Jabatan atau Pegawai dalam Kumpulan Pengurusan dan Profesional

**SURAT TAWARAN OPSYEN PERTUKARAN PELANTIKAN
(JURUTEKNIK GRED J22, J26 BIDANG KEJURUTERAAN)**

(Nama dan Alamat Ketua Jabatan)

.....
.....

Fail Ruj.:

Tarikh:

Nama : (Nama Pegawai)

Alamat :
.....

Tuan/Puan,

TAWARAN PERTUKARAN PELANTIKAN BERIKUTAN PENJUMUDAN SKIM PERKHIDMATAN JURUTEKNIK GRED J17/ J22/ J26 KE SKIM PERKHIDMATAN PELUKIS PELAN (KEJURUTERAAN AWAM)/ PENOLONG JURUTERA GRED JA17, JA22, JA26, JA29/30, JA36, JA38 MELALUI PEMBERIAN OPSYEN

Dengan hormatnya dimaklumkan bahawa kerajaan telah memutuskan penjumudan skim perkhidmatan Juruteknik Gred J17, J22, J26 dilaksanakan berkuat kuasa pada **1 Julai 2013**. Sehubungan itu, tuan/puan ditawarkan pertukaran pelantikan sebagai Penolong Jurutera Gred JA29 di (Nama Jabatan) di bawah Klasifikasi Perkhidmatan Kejuruteraan dengan gaji RM..... mulai pada tarikh yang sama.

2. Tawaran pertukaran pelantikan melalui opsyen ini tertakluk kepada syarat-syarat seperti dinyatakan di **Lampiran F1**. Tuan/Puan dikehendaki memberi jawapan sama ada **menerima atau menolak tawaran** pertukaran pelantikan ini dengan mengisi Borang Opsyen di **Lampiran F2**. Jawapan tuan/puan hendaklah sampai ke pejabat ini sebelum atau pada(30 hari mulai tarikh surat tawaran dikeluarkan).

2.1 Sekiranya tuan/puan **menerima tawaran**, tuan/puan hendaklah:

Menandakan (✓) dalam kotak yang disediakan **di perenggan (a) dalam Borang Opsyen di Lampiran F2; atau**

2.2 Sekiranya tuan/puan **menolak tawaran**, tuan/puan hendaklah:

Menandakan (✓) dalam kotak yang disediakan **di perenggan (b) dalam Borang Opsyen di Lampiran F2**. Tuan/Puan akan dikekalkan di dalam skim perkhidmatan dan gred jawatan asal yang dijumudkan secara Khas Untuk Penyandang (KUP).

Sekian, terima kasih.

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

Saya yang menurut perintah,

.....
(Tandatangan Ketua Jabatan)

LAMPIRAN F1

SYARAT-SYARAT PERTUKARAN PELANTIKAN MELALUI OPSYEN BAGI JURUTEKNIK GRED J22, J26 BIDANG KEJURUTERAAN

1. Kerajaan telah memutuskan supaya penjumudan skim perkhidmatan Juruteknik Gred J17, J22, J26 dilaksanakan berkuat kuasa pada **1 Julai 2013**. Dengan keputusan itu, tuan/puan diberi opsyen sama ada **menerima** untuk **ditukar lantik** sebagai **Penolong Jurutera Gred JA29** ataupun **menolak tawaran** pertukaran pelantikan. Jika tuan/puan **menolak tawaran pertukaran pelantikan ini**, tuan/puan akan **dikekalkan dalam skim perkhidmatan dan gred jawatan asal yang dijumudkan secara Khas Untuk Penyandang (KUP)**. Opsyen ini adalah **muktamad**.

OPSYEN
2. Tempoh opsyen yang diberi kepada tuan/puan untuk membuat pilihan ialah **30 hari** mulai dari tarikh surat tawaran dikeluarkan. Jika tuan/puan tidak membuat pilihan atau tidak melaporkan diri bertugas pada tarikh yang ditetapkan atau membuat pilihan dengan bersyarat atau gagal mengembalikkan borang opsyen tanpa sebarang sebab yang munasabah, tuan/puan adalah **dianggap menolak** tawaran pertukaran pelantikan dan akan dikekalkan di dalam skim perkhidmatan dan gred jawatan asal yang dijumudkan secara KUP.

TEMPOH MEMBUAT OPSYEN
3. Tuan/Puan akan ditawarkan ke jawatan **Penolong Jurutera Gred JA29**.

JAWATAN YANG DITAWARKAN
4. Tuan/Puan akan tertakluk kepada syarat dan peraturan yang diperuntukkan dalam skim perkhidmatan yang tuan/puan ditukar lantik.

PEMAKAIAN SYARAT DAN PERATURAN PERKHIDMATAN BAHARU
5. Tuan/Puan akan ditawarkan:

GAJI PERMULAAN

 - (a) gaji minimum di gred jawatan baharu sekiranya gaji akhir di gred jawatan asal adalah sama atau lebih rendah daripada gaji minimum di gred jawatan baharu; atau

- (b) gaji yang sama dengan gaji akhir di gred jawatan asal jika gaji akhir tuan/puan di gred jawatan asal lebih tinggi daripada gaji minimum di gred jawatan baharu; atau
- (c) pada gaji permulaan kelayakan diploma bagi pegawai yang memiliki kelayakan diploma jika amaun gaji di gred jawatan asal adalah lebih rendah daripada gaji permulaan kelayakan diploma.

Pegawai yang gaji akhirnya tidak dapat ditampung oleh amaun gaji mengikut kaedah di atas, maka jadual gaji KUP hendaklah dipohon daripada Bahagian Saraan, JPA.

- 6. Pergerakan Gaji Tahunan pegawai yang sepatutnya diterima pada tahun pertukaran pelantikan hendaklah diberi dahulu di gred jawatan asal sebelum diselaraskan ke gred jawatan baharu.
- 7. Tarikh Pergerakan Gaji (TPG) tuan/puan adalah dikekalkan mengikut TPG jawatan asal.
- 8. Tuan/Puan dikecualikan daripada syarat tempoh percubaan jika tuan/puan telah disahkan dalam perkhidmatan asal. Walau bagaimanapun untuk tujuan pensen, tuan/puan hendaklah disahkan dalam perkhidmatan baharu oleh Pihak Berkuasa Melantik pada bila-bila masa dalam tempoh enam (6) bulan daripada tarikh kuat kuasa pertukaran pelantikan.
- 9. Tuan/Puan yang belum disahkan dalam perkhidmatan asal, dikehendaki menghabiskan baki tempoh percubaan dan boleh disahkan dalam perkhidmatan pada bila-bila masa sekiranya telah mencukupi tempoh sekurang-kurangnya satu (1) tahun termasuk mengambil kira tempoh percubaan jawatan asal tertakluk dengan syarat tuan/puan telah memenuhi semua syarat pengesahan dalam perkhidmatan yang ditetapkan. Syarat-syarat pengesahan dalam perkhidmatan yang telah dipenuhi dengan jayanya semasa di jawatan asal adalah dikecualikan.
- 10. Kekananan tuan/puan di jawatan baharu dikira mulai tarikh kuat kuasa pertukaran pelantikan.

**PERGERAKAN GAJI
TAHUNAN**

**TARIKH
PERGERAKAN GAJI**

**TEMPOH
PERCUBAAN BAGI
PEGAWAI YANG
TELAH DISAHKAN**

**TEMPOH
PERCUBAAN BAGI
PEGAWAI YANG
BELUM DISAHKAN**

KEKANANAN

- | | | |
|-----|--|--|
| 11. | Jika tuan/puan belum disahkan dalam perkhidmatan, tuan/puan layak diberi opsyen skim Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) sebelum diperakukan pengesahan dalam perkhidmatan di jawatan baharu. | OPSYEN SKIM KWSP |
| 12. | Taraf berpencen yang diberi kepada tuan/puan sebelum pertukaran pelantikan ini dikuatkuasakan akan dikekalkan. | TARAF BERPENCEN DIKEKALKAN |
| 13. | Tuan/Puan dibenarkan membawa baki cuti rehat tahunan dan cuti rehat yang telah dikumpulkan untuk tujuan award wang tunai sebagai gantian cuti rehat, mengikut syarat dan peraturan yang berkuat kuasa. | CUTI REHAT |
| 14. | Tuan/Puan boleh ditempatkan berkhidmat di mana-mana jua seperti mana yang diarahkan oleh Ketua Perkhidmatan/ Ketua Jabatan. | PENEMPATAN |
| 15. | Ketua Perkhidmatan tuan/puan ialah | KETUA PERKHIDMATAN |
| 16. | Tuan/Puan akan sentiasa tertakluk kepada peraturan dan arahan yang berkuat kuasa dalam perkhidmatan awam. | KEPERLUAN MEMATUHI PERATURAN |
| 17. | Tuan/Puan dikecualikan daripada syarat pemeriksaan kesihatan, akuan berkanun, aku janji dan tapisan keselamatan sekiranya tuan/puan telah memenuhi syarat tersebut semasa di jawatan asal. | SYARAT PELANTIKAN YANG DIKECUALIKAN |
| 18. | Pertukaran pelantikan tuan/puan melalui pemberian opsyen ini adalah berkuat kuasa mulai 1 Julai 2013 . | TARIKH KUAT KUASA |
| 19. | Hubungan tuan/puan dengan perkhidmatan asal adalah terputus kecuali bagi tujuan faedah persaraan dan kemudahan-kemudahan lain yang diberi berdasarkan tempoh perkhidmatan seperti cuti rehat, cuti haji dan pinjaman. | HUBUNGAN DENGAN PERKHIDMATAN ASAL |

**BORANG OPSYEN
(JURUTEKNIK GRED J22, J26 BIDANG KEJURUTERAAN)**

Fail Rujukan :
Tarikh :

(Nama dan Alamat Ketua Jabatan)

.....
.....

Tuan,

TAWARAN PERTUKARAN PELANTIKAN BERIKUTAN PENJUMUDAN SKIM PERKHIDMATAN JURUTEKNIK GRED J17/ J22/ J26 KE SKIM PERKHIDMATAN PELUKIS PELAN (KEJURUTERAAN AWAM)/ PENOLONG JURUTERA GRED JA17, JA22, JA26, JA29/30, JA36, JA38 MELALUI PEMBERIAN OPSYEN

Berhubung dengan surat tuan bil.: bertarikh mengenai perkara di atas, maka saya dengan ini membuat pilihan seperti berikut:-

* (a) **Menerima tawaran** pertukaran pelantikan sebagai Penolong Jurutera Gred JA29 di (Nama Jabatan) di bawah Klasifikasi Perkhidmatan Kejuruteraan dengan gaji RM..... dan syarat yang dinyatakan di **Lampiran F1** surat tawaran tuan;

ATAU

(b) **Menolak tawaran** pertukaran pelantikan sebagai Penolong Jurutera Gred JA29 dan dengan ini bersetuju kekal di dalam skim perkhidmatan dan gred jawatan asal yang dijumudkan secara Khas Untuk Penyandang (KUP).

2. Saya sesungguhnya faham kandungan surat tawaran ini dan implikasi ke atas pilihan yang saya buat.

Tandatangan :

Nama Penuh :

No.Kad Pengenalan :

Jawatan :

Tarikh :

Di hadapan :

.....

SAKSI**

Nama Penuh :

No. Kad Pengenalan :

Jawatan :

Alamat :

Tarikh :

Nota:

* Tandakan (✓) dalam salah satu petak yang berkenaan

** Ketua Jabatan atau Pegawai dalam Kumpulan Pengurusan dan Profesional

**SURAT TAWARAN OPSYEN PERTUKARAN PELANTIKAN
(JURUTEKNIK GRED J17 BIDANG SENI BINA)**

(Nama dan Alamat Ketua Jabatan)

.....
.....

Fail Ruj.:

Tarikh:

Nama : (Nama Pegawai)

Alamat:

.....

Tuan/Puan,

TAWARAN PERTUKARAN PELANTIKAN BERIKUTAN PENJUMUDAN SKIM PERKHIDMATAN JURUTEKNIK GRED J17/ J22/ J26 KE SKIM PERKHIDMATAN PELUKIS PELAN (SENI BINA)/ PENOLONG PEGAWAI SENI BINA GRED JA17, JA22, JA26, JA29/30, JA36, JA38 MELALUI PEMBERIAN OPSYEN

Dengan hormatnya dimaklumkan bahawa kerajaan telah memutuskan penjumudan skim perkhidmatan Juruteknik Gred J17, J22, J26 dilaksanakan berkuat kuasa pada **1 Julai 2013**. Sehubungan itu, tuan/puan ditawarkan pertukaran pelantikan sebagai **Penolong Pegawai Seni Bina Gred JA29** di (Nama Jabatan) di bawah Klasifikasi Perkhidmatan Kejuruteraan.

2. Tawaran pertukaran pelantikan melalui opsyen ini tertakluk kepada syarat-syarat seperti dinyatakan di **Lampiran G1**. Tuan/Puan dikehendaki memberi jawapan **sama ada menerima atau menolak tawaran** pertukaran pelantikan ini dengan mengisi Borang Opsyen di **Lampiran G2**. Jawapan tuan/puan hendaklah sampai ke pejabat ini sebelum atau pada(30 hari mulai tarikh surat tawaran dikeluarkan).

2.1 Sekiranya tuan/puan **menerima tawaran**, tuan/puan hendaklah:

Menandakan (✓) dalam kotak yang disediakan **di perenggan (a) dalam Borang Opsyen di Lampiran G2**. Tuan/Puan juga hendaklah memilih sama ada:

- (a) terus ditukar lantik ke skim perkhidmatan yang ditawarkan dengan gaji RM atas Gred mulai pada tarikh yang sama; atau
- (b) ditukar lantik sehari selepas dinaikkan pangkat secara *time-based* berasaskan kecemerlangan dalam skim perkhidmatan asal. Tuan/Puan akan dikekalkan secara Khas Untuk Penyandang (KUP) di dalam skim perkhidmatan dan gred jawatan asal yang dijumlahkan sehingga memenuhi syarat yang ditetapkan;

atau

2.2 Sekiranya tuan/puan **menolak tawaran**, tuan/puan hendaklah:

Menandakan (✓) dalam kotak yang disediakan **di perenggan (b) dalam Borang Opsyen di Lampiran G2**. Tuan/puan akan dikekalkan di dalam skim perkhidmatan dan gred jawatan asal yang dijumlahkan secara Khas Untuk Penyandang (KUP).

Sekian, terima kasih.

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

Saya yang menurut perintah,

.....
(Tandatangan Ketua Jabatan)

**SYARAT-SYARAT PERTUKARAN PELANTIKAN MELALUI OPSYEN BAGI
JURUTEKNIK GRED J17 BIDANG SENI BINA**

1. Kerajaan telah memutuskan supaya penjumudan skim perkhidmatan Juruteknik Gred J17, J22, J26 dilaksanakan berkuat kuasa pada **1 Julai 2013**. Dengan keputusan itu, tuan/puan diberi opsyen sama ada **menerima** untuk ditukar lantik sebagai Penolong Pegawai Seni Bina Gred JA29 ataupun **menolak** tawaran pertukaran pelantikan. Jika tuan/puan **menolak tawaran pertukaran pelantikan ini**, tuan/puan akan **dikekalkan di dalam skim perkhidmatan dan gred jawatan asal yang dijumudkan secara Khas Untuk Penyandang (KUP)**. Opsyen ini adalah **muktamad**.
2. Bagi tuan/puan yang menerima tawaran untuk ditukar lantik sebagai Penolong Pegawai Seni Bina Gred JA29, tuan/puan boleh memilih sama ada:
 - (a) terus ditukar lantik ke skim perkhidmatan yang ditawarkan; atau
 - (b) ditukar lantik setelah dinaikkan pangkat secara *time-based* berasaskan kecemerlangan dalam skim perkhidmatan asal. Tuan/ Puan akan kekal di dalam skim perkhidmatan dan gred jawatan asal yang dijumudkan secara KUP sehingga sehari selepas kenaikan pangkat secara *time-based* tersebut.
3. Tempoh opsyen yang diberi kepada tuan/puan untuk membuat pilihan ialah **30 hari** mulai dari tarikh surat tawaran dikeluarkan. Jika tuan/puan tidak membuat pilihan atau tidak melaporkan diri bertugas pada tarikh yang ditetapkan atau membuat pilihan dengan bersyarat atau gagal mengembalikan borang opsyen tanpa sebarang sebab yang munasabah, tuan/puan adalah dianggap menolak tawaran pertukaran pelantikan dan akan dikekalkan di dalam skim perkhidmatan dan gred jawatan asal yang diijumudkan secara KUP.
4. Tuan/puan akan ditawarkan ke jawatan **Penolong Pegawai Seni Bina Gred JA29**.

OPSYEN

**TEMPOH MEMBUAT
OPSYEN**

**JAWATAN YANG
DITAWARKAN**

5. Tuan/puan akan tertakluk kepada syarat dan peraturan yang diperuntukkan dalam skim perkhidmatan yang tuan/puan ditukar lantik.

**PEMAKAIAN SYARAT
DAN PERATURAN
PERKHIDMATAN
BAHARU**

6. (i) Tuan/puan yang memilih untuk terus ditukar lantik sebagai Penolong Pegawai Seni Bina Gred JA29 akan ditawarkan:

GAJI PERMULAAN

(a) gaji minimum di gred jawatan baharu sekiranya gaji akhir di gred jawatan asal adalah sama atau lebih rendah daripada gaji minimum di gred jawatan baharu; atau

(b) gaji yang sama dengan gaji akhir di gred jawatan asal jika gaji akhir tuan/puan di gred jawatan asal lebih tinggi daripada gaji minimum di gred jawatan baharu; atau

(c) pada gaji permulaan kelayakan diploma bagi pegawai yang memiliki kelayakan diploma jika amaun gaji di gred jawatan asal adalah lebih rendah daripada gaji permulaan kelayakan diploma.

(ii) Tuan/Puan yang memilih ditukar lantik sebagai Penolong Pegawai Seni Bina Gred JA29 setelah dinaikkan pangkat secara *time-based* berasaskan kecemerlangan dalam skim perkhidmatan asal, gaji tuan/puan akan diselaraskan di Gred JA29 sehari selepas dinaikkan pangkat mengikut prinsip di perenggan 6 (i) di atas.

Pegawai yang gaji akhirnya tidak dapat ditampung oleh amaun gaji mengikut kaedah di atas, maka jadual gaji KUP hendaklah dipohon daripada Bahagian Saraan, JPA.

7. Pergerakan Gaji Tahunan pegawai yang sepatutnya diterima pada tahun pertukaran pelantikan hendaklah diberi dahulu di gred jawatan asal sebelum diselaraskan ke gred jawatan baharu.

**PERGERAKAN GAJI
TAHUNAN**

8. Tarikh Pergerakan Gaji (TPG) tuan/puan adalah dikekalkan mengikut TPG jawatan asal.

**TARIKH
PERGERAKAN GAJI**

9. Tuan/puan **dikecualikan** daripada syarat tempoh percubaan

TEMPOH

- jika tuan/puan telah disahkan** dalam perkhidmatan asal. Walau bagaimanapun untuk tujuan pencen, tuan/puan hendaklah disahkan dalam perkhidmatan baharu oleh Pihak Berkuasa Melantik pada bila-bila masa dalam tempoh enam (6) bulan daripada tarikh kuat kuasa pertukaran pelantikan.
- PERCUBAAN BAGI PEGAWAI YANG TELAH DISAHKAN**
10. Tuan/puan yang **belum disahkan** dalam perkhidmatan asal, dikehendaki **menghabiskan baki** tempoh percubaan dan boleh disahkan dalam perkhidmatan pada bila-bila masa sekiranya telah mencukupi tempoh sekurang-kurangnya satu (1) tahun termasuk mengambil kira tempoh percubaan jawatan asal tertakluk dengan syarat tuan/puan telah memenuhi semua syarat pengesahan dalam perkhidmatan yang ditetapkan. Syarat-syarat pengesahan dalam perkhidmatan yang telah dipenuhi dengan jayanya semasa di jawatan asal adalah dikecualikan.
- TEMPOH PERCUBAAN BAGI PEGAWAI YANG BELUM DISAHKAN**
11. Kekananan tuan/puan di jawatan baharu dikira mulai tarikh kuat kuasa pertukaran pelantikan.
- KEKANANAN**
12. Jika tuan/puan belum disahkan dalam perkhidmatan, tuan/puan layak diberi opsyen skim Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) sebelum diperakukan pengesahan dalam perkhidmatan di jawatan baharu.
- OPSYEN SKIM KWSP**
13. Taraf berpencen yang diberi kepada tuan/puan sebelum pertukaran pelantikan ini dikuatkuasakan akan dikekalkan.
- TARAF BERPENCEN DIKEKALKAN**
14. Tuan/puan dibenarkan membawa baki cuti rehat tahunan dan cuti rehat yang telah dikumpulkan untuk tujuan award wang tunai sebagai gantian cuti rehat, mengikut syarat dan peraturan yang berkuat kuasa.
- CUTI REHAT**
15. Tuan/puan boleh ditempatkan berkhidmat di mana-mana jua seperti mana yang diarahkan oleh Ketua Perkhidmatan/ Ketua Jabatan.
- PENEMPATAN**
16. Ketua Perkhidmatan tuan/puan ialah
- KETUA PERKHIDMATAN**
17. Tuan/puan akan sentiasa tertakluk kepada peraturan dan arahan yang berkuat kuasa dalam perkhidmatan awam.
- KEPERLUAN MEMATUHI PERATURAN**

18. Tuan/puan dikecualikan daripada syarat pemeriksaan kesihatan, akuan berkanun, aku janji dan tapisan keselamatan sekiranya tuan/puan telah memenuhi syarat tersebut semasa di jawatan asal.
19. Pertukaran pelantikan tuan/puan melalui pemberian opsyen ini adalah berkuat kuasa mulai **1 Julai 2013**. Bagi pegawai yang memilih untuk dinaikkan pangkat secara *time-based* berasaskan kecemerlangan dalam skim perkhidmatan asal, tarikh kuat kuasa pertukaran pelantikan ke skim perkhidmatan yang ditawarkan adalah sehari selepas pegawai dinaikkan pangkat secara *time-based* tersebut.
20. Hubungan tuan/puan dengan perkhidmatan asal adalah terputus **kecuali** bagi tujuan faedah persaraan dan kemudahan-kemudahan lain yang diberi berdasarkan tempoh perkhidmatan seperti cuti rehat, cuti haji dan pinjaman.

**SYARAT
PELANTIKAN YANG
DIKECUALIKAN**

**TARIKH KUAT
KUASA**

**HUBUNGAN DENGAN
PERKHIDMATAN
ASAL**

**BORANG OPSYEN
(JURUTEKNIK GRED J17 BIDANG SENI BINA)**

Fail Rujukan :
Tarikh :

(Nama dan Alamat Ketua Jabatan)

.....
.....

Tuan,

TAWARAN PERTUKARAN PELANTIKAN BERIKUTAN PENJUMUDAN SKIM PERKHIDMATAN JURUTEKNIK GRED J17/ J22/ J26 KE SKIM PERKHIDMATAN PELUKIS PELAN (SENI BINA)/ PENOLONG PEGAWAI SENI BINA GRED JA17, JA22, JA26, JA29/30, JA36, JA38 MELALUI PEMBERIAN OPSYEN

Berhubung dengan surat tuan bil.: bertarikh mengenai perkara di atas, maka saya dengan ini membuat pilihan seperti berikut:-

* (a) **Menerima** tawaran pertukaran pelantikan sebagai Penolong Pegawai Seni Bina Gred JA29 di (Nama Jabatan) dan:

* (i) terus ditukar lantik ke skim perkhidmatan yang ditawarkan di bawah Klasifikasi Perkhidmatan Kejuruteraan dengan gaji RM atas Gred JA29 dengan syarat yang dinyatakan di **Lampiran G1** surat tawaran tuan;

atau

(ii) ditukar lantik ke skim perkhidmatan yang ditawarkan dengan syarat yang dinyatakan di **Lampiran G1** surat tawaran tuan setelah dinaikkan pangkat secara *time-based* berasaskan kecemerlangan dalam skim perkhidmatan asal. Dengan ini, saya bersetuju kekal di dalam skim perkhidmatan dan gred jawatan asal yang dijumudkan secara Khas Untuk Penyandang (KUP).

ATAU

- (b) **Menolak** tawaran pertukaran pelantikan ke skim perkhidmatan Penolong Pegawai Seni Bina dan dengan ini bersetuju kekal di dalam skim perkhidmatan dan gred jawatan asal yang dijumudkan secara KUP.

2. Saya sesungguhnya faham kandungan surat tawaran ini dan implikasi ke atas pilihan yang saya buat.

Tandatangan :
Nama Penuh :
No.Kad Pengenalan :
Jawatan :
Tarikh :

Di hadapan :

.....
SAKSI**

Nama Penuh :
No. Kad Pengenalan :
Jawatan :
Alamat :

Tarikh :

Nota:

- * Tandakan (✓) dalam salah satu petak yang berkenaan
- ** Ketua Jabatan atau Pegawai dalam Kumpulan Pengurusan dan Profesional

**SURAT TAWARAN OPSYEN PERTUKARAN PELANTIKAN
(JURUTEKNIK GRED J22, J26 BIDANG SENI BINA)**

(Nama dan Alamat Ketua Jabatan)

.....
.....

Fail Ruj.:

Tarikh:

Nama : (Nama Pegawai)

Alamat :

.....

Tuan/Puan,

